

**UCAPAN**

**UCAPAN MENGGULUNG TITAH DIRAJA OLEH  
Y.B. MENTERI PENDIDIKAN 2 DI DEWAN RAKYAT  
PADA 8 JULAI 2013**

**Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih ke atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberl perhatian khusus kepada agenda pendidikan negara. Selaku peneraju kepada transformasi ini, saya ingin memastikan agar agenda transformasi ini berjaya mencapai matlamatnya seperti mana yang diharapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 30 orang Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian, yang memang berminat dalam bidang pendidikan untukmelihat transformasi pendidikan negara. Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan pada tahun ini dan tamat pada tahun 2025 yang akan memastikan kedudukan persekolahan kita melonjak daripada keadaan sekarang ini ke tingkat satu per tiga teratas di dunia.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Pelan ini telah mengambil masa dua tahun untuk dilaksanakan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta penjelasan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya, bangun sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila, sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar tentang transformasi pendidikan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri iaitu tentang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sekarang telah dijadikan kepada Sistem Modulan Tingkatan Enam sejak tahun 2012. Dari jawapan yang saya terima, sambutan dalam sistem modulan ini kurang memuaskan. Antara yang ditawarkan ialah 202,053 orang, hanya 62,046 orang yang melapor. Bagaimana dengan pandangan dari Yang Berhormat Menteri ini? Adakah transformasi ini tidak dapat sambutan yang menggalakkan. Adakah ia akan dikaji semula? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum sampai situ lagi. Baru hendak masuk gear sudah tanya soalan. Sebenarnya saya hendak jawab yang terdahulu kerana ada persoalan-persoalan yang diungkit daripada Yang

Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Jelebu yang sekarang sudah tidak jerebu, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Rantau Panjang yang bercakap tentang transformasi pendidikan negara. Biar saya jawab yang sudah tanya dahulu. Tidak adil yang dahulu itu ditinggalkan. Saya katakan tadi bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) ini mengambil masa hampir dua tahun untuk dilaksanakan yang dipengerusikan pula oleh mereka yang hebat-hebat. Tan Sri Zulkifli Abdul Razak dari USM dahulu, Tan Sri Tony Fernandez, Tan Sri Wan Zahid, Tan Sri Jeffrey Cheah dari Sunway, Tan Sri Zarinah Anwar dari Securities Commission dan ramai lagi yang telah membuat kerja-kerja mereka secara terperinci dengan perjumpaan *Town Hall* atau dewan terbuka yang melibatkan 17,000 orang, 750 orang guru besar, 22,000 orang murid, juga mengambil kira blog 3,000 artikel dan blog universiti awam dan sebagainya yang mengatakan inilah satu usaha oleh kerajaan untuk memastikan dalam proses transformasi ini.

Semuanya diambil kira tanpa meninggalkan pandangan-pandangan daripada UNESCO, pandangan-pandangan daripada Bank Dunia dan mengambil kira perkiraan, pengukuran *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga PISA daripada OECD iaitu *Program for International Student Assessment* (PISA) yang mana dalam mengambil kira semua ini, kita *insya-Allah* akan pastikan agar pelan pembangunan pendidikan negara ini akan mencapai kehendak seperti mana yang saya katakan tadi satu per tiga teratas di dalam dunia.

Dengan itu, inisiatif-inisiatif telah diambil guru-guru yang dikatakan setiap kali apabila kita hendak menilai sekolah-sekolah di mana dikatakan kita lemah dalam bahasa Inggeris. 60,000 guru-guru bahasa Inggeris telah diberi ujian di bawah *Cambridge Placement Test* yang sebenarnya untuk melihat taraf pengajaran mereka. Bukan itu sahaja, kita wujudkan sekolah berprestasi tinggi di mana sekolah-sekolah ini dinilai semula untuk memastikan mereka mempunyai prestasi yang tinggi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ha, ganggu lagi. Okey, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana begitu bersungguh-sungguh merangka Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025. Ini satu anjakan dan juga perancangan yang begitu teliti. Dalam usaha untuk kita mencapai satu tahap pendidikan yang bertaraf dunia. Apa disebut Yang Berhormat Menteri tadi ialah kita hendak capai tahap ketiga di peringkat dunia kalau saya tidak silap. Saya hendak tahu apa ukuran yang kementerian lakukan untuk menentukan standard ini. Satu. Kedua ialah kita tahu bahawa dalam keadaan zaman sudah berubah permintaan dan kehendak rakyat juga sudah makin berbeza sekarang. Kita berhadapan dengan apa yang diistilahkan sebagai zaman k-ekonomi iaitu keperluan kreativiti, inovasi dan keupayaan berfikir ini perlu ditanam dalam diri pelajar itu sendiri. Saya menyebut perkara ini dalam ucapan saya waktu saya membentangkan usul ini. Apakah yang ditekankan oleh kementerian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan ini? Maksud saya

ialah bermula di tahap mana sama ada Darjah Satukah, menengahkah atau bagaimana bagi membolehkan persediaan begitu baik dilakukan oleh kementerian bagi melahirkan warga dan masyarakat yang benar-benar berkeupayaan menghadapi cabaran yang semakin kuat ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang kata tidak payah masuk *gear* ini. *Gear* satu, *gear* dua sudah. Dalam dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah berhubung dengan apa yang dikatakan *high order thinking* ataupun pendeknya HOTS (*High Order Thinking Skill*) yang kita terapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Malah bukan sahaja di sekolah-sekolah tapi juga di peringkat pengajian tinggi agar pelajar bukan sahaja dapat meluahkan apa yang diajar oleh guru-guru ataupun pensyarah semasa di kelas tetapi juga boleh berfikir dan memberi pandangan mereka masing-masing agar proses pemikiran itu terus berjalan. Ini kerana tidak mencukupi mereka itu hanya dapat pencapaian akademik yang tinggi tapi bila mereka ditemu duga mereka tidak boleh menjawab soalan-soalan dengan baik kerana mereka hanya dapat mengeluarkan apa yang mereka belajar di sekolah-sekolah lagi. Tadi dikatakan tentang ukurannya. Memang ukuran dunia kita menggunakan TIMSS (*Trend in International Math and Science Study*) yang tahun depan akan ada pemeriksaannya dan juga PISA pada tahun 2015. TIMSS tahun depan, PISA tahun 2015.

Oleh itu, kita boleh melihat di mana kedudukan kita sama ada kita dapat mencapai kedudukan kita yang saya katakan tadi pada tahun 2025 nanti, kedudukan kita nanti satu pertiga terbaik di dunia. Bukan ketiga, satu pertiga dalam Band 1 - 3 yang terbaik di dunia. Sebab itu dikatakan program-program LINUS iaitu Literasi dan Numerasi boleh membaca dan menulis, boleh mengira dengan baik. Kita lihat keputusan tahun lalu kita lihat peningkatan yang ketara. Kalau dahulunya 13%, tahun 2000 kanak-kanak yang memang tidak boleh membaca dengan baik. Tahun lalu sudah berkurangan kepada 0.16%. Tidak sampai 1% pun. Untuk numerasi pula kalau tahun 2000 ianya 24%. Pada tahun lalu telah berkurangan menjadi 0.08%. Ini merupakan satu peningkatan-peningkatan yang baik yang telah diusahakan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.

Tidak kurang juga kita lihat di mana kita ada program-program yang mendapat kritikan yang besar sekarang ini. Ini pun Ahli Yang Berhormat ada ungkitkan tentang PBS ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang sememangnya kita mengaku bahawa ada masalah di peringkat permulaannya kerana isu teknologi, isu sistem, isu latihan yang dikatakan sebagaimana komputer tadi. Timbalan Menteri mengatakan bahawa isu komputer yang masih perlu didedahkan, dilatihkan dan isu pemahaman yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Sebenarnya apabila kita mengadakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini, kita harap kita boleh mengukur bukan hanya pencapaian akademik pelajar semata-mata tapi juga boleh mengukur intelek mereka, boleh mengukur kerohanian dan emosi mereka, boleh mengukur kedudukan kefahaman sosial dan psiko motor mereka. Itulah langkah-langkah yang dikatakan sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah untuk memastikan agar sistem pendidikan kita ini akan bertambah baik.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** [Bangun]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [Bangun]

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ramai yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, hendak bangun tanya soalan. Ingat hendak keluar tadi.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Kluang tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Temerloh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyebut hendak *refer* balik kepada PBS tadi, Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Walaupun disebut tadi telah ada beberapa langkah daripada pihak kementerian dan menyedari masalah yang berlaku tapi apa yang saya lihat masih sangat ketara. Dua pihak iaitu yang pertama guru dan yang kedua pelajar. Guru, dia tidak puas hati sekurangnya atas beberapa *point*, yang pertama berkenaan dengan penggunaan internet, e-sistem terutama mereka yang mengajar di sekolah-sekolah luar bandar. Saya kira hendak mengatasi masalah internet di sekolah-sekolah luar bandar ini akan berpanjangan empat, lima, enam tahun. Jadi sampai bila kita hendak mengorbankan kedudukan ini sehinggakan guru terpaksa beli *broadband* sendiri untuk mencari *coverage* dan seumpamanya. Kemudian, mereka juga bimbang kerana terpaksa mengisi *evidence* saban hari ini, tidak dapat hendak mengejar topik-topik dalam sukatan pelajaran dalam masa yang ditetapkan. Kemudian, yang kedua ialah pelajar. Pelajar jadi malas mengulang kaji sebab mereka telah tidak ada peperiksaan dan tidak ada kerja rumah untuk mereka. Saya rasa ini membebankan guru dan juga mengancam masa depan pelajar. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya sambung kepada Yang Berhormat Temerloh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya dengan pelan PPPM ini. Adakah kerajaan sedar bahawa kerumitan yang dialami oleh pelajar-pelajar kita mengenai kefasihan dalam bahasa Inggeris adalah disebabkan tidak ada diwajibkan untuk kelulusan di Tingkatan Lima dan sebagainya? Adakah kerajaan akan menggunakan satu peperiksaan supaya diwajibkan kelulusan untuk mendapat sijil Tingkatan Lima? Adakah Yang Berhormat akan menjawab soalan mengenai matrikulasi sekarang atau saya boleh tanya soalan mengenai sedemikian *on matriculation*?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, PBS.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** PBS Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti lupa banyak sangat isu ini. Kena jawab satu-satu.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Mengenai PBS juga, PBS juga.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** PBS boleh.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mengemukakan sesuatu cadangan kepada PBS ini. Selain daripada masalah teknikal, masalah beban yang penting saya rasa adalah masalah objektiviti di dalam penilaian kerana setiap guru, setiap sekolah ada cara dia membuat penilaian. Bagaimana kita hendak mengekalkan unsur subjektiviti ini apabila guru membuat penilaian? Bagaimana kita hendak membandingkan penuntut di dalam satu tahap daripada satu sekolah dengan satu sekolah? Kalau dahulu kita ada keputusan akademik tetapi sekarang ini penilaian PBS itu kita kata *subject is questionable subjectivity* kerana penilaian ini memang subjektif. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, PBS juga. Saya yang tanya soalan asal itu. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri timbangkan adakah penilaian semula akan dijalankan kerana ramai guru sudah bincang dengan saya dan bantah. Mereka minta kalau boleh menilai semula kerana asalnya sistem ini dari Eropah dan di negara-negara Eropah kelas itu ada 15 orang murid sahaja ataupun sepuluh orang murid sahaja. Di sini mungkin sekolah jenis kebangsaan, mungkin ada 50 orang murid dalam satu kelas. So, ia memang tidak begitu sesuai untuk negara ini dan saya hendak bawa hasrat ramai guru yang mereka minta kalau boleh dengar mereka dan buat penilaian semula. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, Parit Sulong. Sama juga perkara yang sama mengenai PBS ini.

**Beberapa Ahli:** Sama juga, semua sama.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Saya setuju juga apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Kluang tadi sebab saya rasa ada timbul persoalan mengenai kapasiti guru dalam melakukan pentafsiran ini. Kadang-kadang ia agak berbeza dari satu-satu sekolah kepada satu-satu sekolah. Akan tetapi saya hendak tanyalah pada pihak kementerian, bagaimana kementerian hendak membetulkan persepsi ini dan hendak mengukuhkan balik bahawa sistem PBS ini adalah sistem yang sebenarnya untuk penambahbaikan kepada sistem pembelajaran sekarang di Malaysia ini. Saya harap dapatlah ia diperluaskan dan dimaklumkan kepada semua sekolah bagi membetulkan persepsi ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, terima kasih. Sebenarnya diwujudkan PBS ini kerana peringkat permulaan kita juga di Parlimen mengatakan sistem kita ini terlalu *academic oriented*, dengan izin, terlalu menggunakan pengukurannya hanya akademik. Jadi, pelajar-pelajar kita apabila keluar negara tidak boleh, tidak ada *critical thinking*, pemikiran kritikalnya kurang, pelajar kita ini kokurikulumnya rendah, sahsiahnya rendah, tidak sampai peringkat yang kita inginkan. Apabila ramai kita dan juga ibu bapa, masyarakat, yang mana dalam sistem pendidikan ini memang ada 28 juta konsultan pendidikan kerana kita mempunyai - memang betul begitu, ada anak saudara, ada adik-beradik di sekolah.

Jadi, ramai sistemnya. Jadi dengan itu, kerajaan membuat satu keputusan, telah kita bincang. Saya katakan tadi, sebab itu saya mula tadi dengan mengatakan tentang mereka yang mengambil bahagian di dalam kita melaksanakan PPPM ini, bukannya calang-calang orang juga. Merekalah memberi input kepada kita. Bukan hanya dalam negara kita tetapi luar negara. Oleh sebab itu kita melaksanakan PBS tetapi memang ada masalah-masalah di peringkat permulaan, masalah capaian *internet* tadi, betul. Saya setuju bukan tidak setuju. Kita telah mula membuat penambahbaikan dengan 1BestariNet dan sebagainya dan juga pastikan agar capaian *internet*. Bukan hanya capaian tetapi juga kapasiti kelajuan itu ditingkatkan. Di samping itu saya katakan permulaan tadi bahawa ramai juga guru yang merasakan bahawa yang perlu diberi latihan apa sebenarnya objektif...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti sekejap, tidak jawab saya nanti. Oleh itu mereka tidak faham. Begitu juga kefahaman kepada ibu bapa juga telah dilaksanakan dan *alhamdulillah* apabila kita memberi kefahaman kepada ibu bapa, ramai yang mengatakan ini yang kita hendak sebenarnya, jawab betul. Dia kata ini sebenarnya kerajaan patut buat lama dah sekarang ini, Cuma kita tidak faham dia kata baru-baru ini. Jadi, itulah saya memahami dan kita memang tahu. Tentang objektiviti, subjektiviti ini memang tidak habis sebenarnya walaupun kertas peperiksaan pun, dalam guna sistem pemeriksaan akademik pun memang ada subjektiviti. Ada di mana guru memang tidak akan dapat memberi markah yang sama walaupun di kawasan yang sama. Dua guru akan memberi markah yang berbeza-beza tetapi kita tidak boleh. Akan tetapi kita boleh mengurangkan masalah subjektiviti tadi dengan cara kita memberitahu mereka apakah yang dikehendaki. Kita mengurangkan jurang-jurang tersebut dan

dengan ini kita harap ia akan dapat meningkatkan prestasi dan juga sistem penilaian sekolah yang melalui program PPM atau Program Pembangunan Sekolah tadi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan berkaitan dengan PBS ini juga. Sejauh mana sebenarnya latihan ataupun kemahiran yang telah diberi, persediaan guru-guru sebelum sistem ini dilaksanakan. Ini kerana maklumat yang kita terima di bawah, guru-guru tidak mendapat, sebahagian besar mereka belum mendapat kemahiran sebelum pelaksanaan ini dibuat. Maka, apabila dasar ini dilancarkan, diarahkan, barulah latihan-latihan dibuat. dan sebahagian mereka tidak dapat menguasai sistem ini. Saya ingin penjelasan, sejak ia dilancarkan sampai sekarang, dilaksanakan, apakah hasil kajian yang telah dibuat. Sejauh mana keberkesanannya terhadap pelajar dan sistem pembelajaran itu sendiri, minta penjelasan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Menteri, berkaitan sama.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Apa dia..., PBS lagi?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masih dalam hujah yang sama.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Menteri, nampaknya kita melihat di sini bahawa guru mesti diberi fokus dan tumpuan kepada P&P supaya ia tidak lari dan menanggung beban kepada kerja-kerja yang lain. Saya juga kalau tidak silap mendengar beberapa kenyataan daripada pihak kementerian. Apakah usaha kementerian untuk mengurangkan bebanan guru ini, tidak payah lagi dibuat kerja-kerja perkeranian, isi borang, ambil lagi soal pungut yuran pelajar dan sebagainya. Akan tetapi dia hanya menumpu kepada P&P sahaja kerana kebimbangan kita kalau guru dibebani dengan tanggungjawab lain di luar daripada skop bidang kerja dia, maka setidak-tidaknya ia menjejaskan kepada markah dan sebagainya, akan wujud ketidakadilan dan sebagainya. Apa usaha kementerian untuk mengurangkan bebanan guru ini supaya fokus kepada soal P&P sahaja. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang PBS juga, boleh?



**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Timbalan Menteri, saya biasa terima banyak rungutan daripada guru-guru berkaitan dengan sistem PBS ini. Adakah pihak Kementerian telah membuat satu kajian terperinci menghubungi guru-guru dan mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan dengan program yang sedang dilaksanakan ini. Ini kerana saya cukup risau, untuk menjayakan sesuatu program pendidikan yang sangat penting itu adalah guru. Kalau guru-guru itu mereka menghadapi masalah dari segi motivasi ataupun emosi, maka ia boleh mengganggu keseluruhan pelaksanaan projek tersebut. Jadi, ada tak pihak kementerian telah membuat satu kajian terperinci berkaitan dengan hal ini? Itu sahaja.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tebrau di sini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Cukup dahulu kerana saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Perkara yang sama.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sama? *Last one*. Saya tidak jawab pasal benda yang ditanya itu sudah belum terjawab lagi.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan manfaat yang boleh datang melalui sistem PBS tetapi saya rasa sekarang ini saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong, masalahnya ialah beban kerja. Jadi, saya sudah banyak kali cadangkan bahawa pihak kementerian hantar pegawai-pegawai bukan guru, kerani yang berkebolehan yang boleh menguruskan kerja-kerja *paper work* itu. Jadi, saya percaya kalau ini di atasi, semua aduan tentang PBS akan tidak ada lagi. Sekian.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itulah hendak jawab tadi sudah tanya pula. Sebenarnya memang kita faham. Sebenarnya dalam apa juga program-program baru, perancangan-perancangan baru ia tidaklah kita buat tanpa kita membuat perancangan dan kajian. Sebelum PBS ini dilancarkan di sekolah-sekolah, 500 buah sekolah sudah laksanakan program ini sebagai kajian peringkat permulaan. Selepas dirasakan mereka sesuai untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah, selepas itu dilancarkan ke sekolah-sekolah. Mungkin dikatakan tidak mencukupi latihan, itu kita akur, bukan semuanya dan itu kita tingkatkan latihan-latihan. Oleh sebab itu saya katakan tadi apabila kita bawa, kita berjumpa dengan ibu bapa dan beritahu kepada mereka apa sebenarnya PBS, mereka kata seperti yang saya katakan tadi, inilah sepatutnya sudah buat banyak tahun yang lalu. Oleh kerana kita dapati betul Yang Berhormat, ada beban-beban peningkatan kepada guru-guru. Oleh sebab itulah kita telah mula di Kedah dan Sabah dengan peningkatan program PTPO ini, Gred 17

pembantu guru yang telah kita tambah 300, 634 di Kedah, 893 di Sabah dan akan diteruskan kepada negeri-negeri yang lain agar seperti kata Yang Berhormat tadi dan bolehlah beritahu di kampung bahawa kementerian akan menambah pembantu-pembantu guru ini agar beban kepada guru ini akan berkurangan. Di samping itu juga bukan hanya dengan memberi tambah pembantu, kita juga sedang mengkaji bagaimana beban. Saya pun dengan kakitangan beritahu mereka mungkin ada laporan yang tidak perlu dibuat oleh guru-guru. Kadang-kadang laporan itu terlalu *detail*, dengan izin, terlalu terperinci yang membebankan guru-guru. Oleh itu kita sedang mengkaji bagaimana guru itu tidak dibebankan dengan terlalu banyak perincian di dalam mereka membuat penilaian-penilaian mereka.

Baik saya bergerak kepada kualiti pendidikan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Merbok yang bertanya pula tentang apa sebenarnya yang sedang berlaku di universiti. Tadi kita bercakap tentang sekolah-sekolah kerana apabila wujudnya dua kementerian bergabung, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi, memang ianya merupakan satu perkara yang baik kerana sudah tidak ada perbezaan di antara sekolah rendah dan juga pusat pengajian tinggi. Jadi mereka boleh duduk sekali. Baru-baru ini satu program telah dilaksanakan di sebuah universiti di mana universiti turun ke sekolah-sekolah memperkasakan program-program bahasa Inggeris. Bukan itu sahaja, ia dilaksanakan untuk program-program yang lain juga. Kita lihat di universiti-universiti sendiri banyak perubahan telah berlaku. Katakanlah sekarang ini, kita lihat universiti-universiti, Universiti Malaya sendiri yang telah mendapat tempat 156 dan *QS World University Rankings* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bagaimana penerbitan-penerbitan telah bertambah kerana apabila kita melihat untuk memastikan, untuk mengangkat prestasi universiti-universiti kita, mereka membuat penerbitan. Kita lihat sekarang ini penerbitan telah bertambah menjadi lebih 13,000. Tahun lalu angkanya ialah sehingga kini angkanya ialah 13,168. Bukan hanya penerbitan tetapi juga *citation* di mana penerbitan itu diambil, diguna pakai oleh mereka di dalam negara dan juga di luar negara. Dari segi *citation*nya 13,840. Ini mengatakan bahawa pengiktirafan telah dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila kita mengadakan Pelan Strategik Pembangunan Tinggi (PSPTN) dan dengan ini kita lihat bahawa, kita juga telah mengadakan AKEPT iaitu Akademi Pengajian Tinggi di mana ia akan melatih pemimpin-pemimpin ataupun pensyarah-pensyarah untuk memastikan mereka lebih diberi latihan bukan hanya di dalam negara tetapi di luar negara. Mereka mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dalam konteks universiti di luar negara agar kita boleh meningkat taraf prestasi kita keseluruhannya. Begitu juga dengan EMGS, Pendaftaran Pelajar-pelajar Luar Negara yang juga kita kalau dahulunya kita lihat ramai pelajar-pelajar yang dikatakan mendatangkan masalah. Pelajar-pelajar luar negara yang mendatangkan masalah.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memujilah langkah kerajaan ke arah program untuk memartabatkan universiti di

Malaysia. Memang satu langkah yang bijak setelah kita pisahkan antara KPT dan Kementerian Pelajaran pada tahun 2003. Jadi saya risau jugalah apabila disatukan, ia menjadi besar, maka fokusnya akan tidak begitu baik. Jadi saya menggesalah supaya fokus diberikan kepada universiti terutama dalam penyelidikan kerana penyelidikan ini adalah pemangkin kepada negara maju.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** [Bangun]

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] :** Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang kualiti pendidikan negara. Saya bimbang di mana kementerian mempunyai sikap angkat bakul masuk sendiri. Ini kerana mengikut penilaian terbaru *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) yang telah pun penilaiannya dibuat di peringkat antarabangsa di mana kedudukan tanah air kita khususnya di peringkat sekolah menengah telah pun jatuh daripada tangga 32 di mata pelajaran Sains dan 26 di mata pelajaran Matematik berbanding dengan Singapore dan Korea yang menduduki tempat yang tertinggi di penilaian TIMSS ini. Apakah, di mana kerajaan sedar kelemahan pembelajaran Sains dan Matematik ini dan adakah kementerian sudah mempunyai rancangan untuk meningkatkan kualiti pendidikan khususnya mata pelajaran Sains dan Matematik yang begitu penting dalam pembangunan negara. Soal aspek yang kedua adalah, boleh tidak saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan pada masa yang sama telah pun meluluskan lebih kurang 102 buah *international schools* yang dibenarkan untuk didirikan di tanah air kita? Ini kerana untuk menampung keperluan. Saya rasa ramai anak-anak menteri pun semua masuk *international school*, bukan masuk sekolah kebangsaan. Adakah kerajaan mempunyai pandangan dan wawasan yang cukup pragmatik untuk menghidupkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris sebagai *lingua franca, english medium school that used to, we have used to have*. Adakah kerajaan mempunyai supaya sistem arus perdana pendidikan negara kita dapat bersaing di persada antarabangsa? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kita dimaklumkan tentang penggabungan dua kementerian. Saya mahu penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah nanti tidak berlaku pertindihan tugas, *red tape* yang lebih ketara apabila dua menteri, dua KSU, dua sektor iaitu sekolah dan IPT? Keduanya apakah fungsi IPT

akan terus diberikan peranan yang sewajarnya memandangkan isu dan saiz sektor persekolahan lebih besar dan pelbagai? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh:** Okey terima kasih Yang Berhormat..

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh celah sedikit.

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh:** Saya jawab dulu. Takut tertinggal, banyak sangat. Saya beri peluang, relaxlah.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Okey, *thank you*.

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh:** Okey, dengan izin *relax*. Tentang fokus tadi, dua Yang Berhormat telah bertanya soalan tersebut. Sebenarnya ianya baik untuk kerajaan kerana apabila ianya *stimulus* dengan izin tidak ada sekatan, selari daripada pra sekolah kepada sehingga IPT, kita lihat ada pertindihan. Kalau dahulunya kita ada Kolej Komuniti. Kalau dahulunya kita ada sekolah vokasional dan kita ada politeknik yang ada pertindihan fungsi mereka. Oleh kerana mereka diletakkan dalam dua kementerian, ia tidak dapat diselaraskan dengan baik. Begitu juga dengan IPG, Institut Perguruan dan juga universiti-universiti. Dengan adanya percaturan ini, tidak ada lagi masalah sama ada mereka masuk IPG ataupun mereka ke universiti, ianya dapat diselaraskan dengan baik. Begitu juga katakanlah kita mengeluarkan perbelanjaan kerajaan. Kalau dahulunya ada dua bahagian sumber manusia, sekarang ada satu sahaja sumber manusia. *Corporate comm.*, dari segi komunikasinya ada satu bahagian. Jadi ini mengurangkan sebenarnya beban rakyat dalam kita melaksanakan program-program pendidikan.

Sebenarnya tidak ada masalah dari segi pengurusan kerana Ketua Pengarah Pendidikan untuk sekolah-sekolah masih kekal dengan struktur-struktur. Begitu juga di peringkat universiti, IPT masih kekal struktur-struktur untuk pastikan. Jadi kita lebih fokus sekarang ini, kita mempunyai seorang Datuk Seri Zaini Ujang daripada UTM yang menjadi KSU II yang melihat tentang pendidikan tinggi. Saya melihat apa yang dilaksanakan oleh kerajaan ini gabungan ini, lebih baik untuk kita semua bukannya membebaskan kita semua. Ini dikatakan tadi tentang angkat bakul masuk sendiri. Tidak ada bakul pun, masuk pun tidak masuk. Sebab itu saya katakan apabila membuat penilaian, penilaian kita bukan hanya kita nilai sendiri. Saya sudah angkat mula-mula tadi, tidak dengar itu masalahnya. Saya kata kita sudah bawa semua, kita dengar pandangan-pandangan daripada UNESCO, daripada Bank Dunia, OACD mereka beritahulah. Betullah yang tadi Yang Berhormat kata tadi. Akan tetapi kita tahulah kedudukan kita. Oleh sebab itu kita tidak syok sendiri, sebab itu kita ada pelan pembangunan pendidikan untuk memastikan agar sekolah-sekolah kita ini berprestasi tinggi. Oleh sebab itulah kita menjalankan program-program yang kita laksanakan tadi. Kita tidak mahu menafikan apa yang ada pada masa kini tapi kita mengatakan tentang 2025 nanti *insya-Allah* kita akan menjadi negara yang 1/3 terbaik, itulah janji kita kepada rakyat sebenarnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh saya...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat boleh saya mencelah, sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar sebenarnya tadi saya petik daripada *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) antara lebih kurang 60 buah negara, di mana kedudukan Malaysia, kedudukan kita adalah merosot yang paling teruk. Dulu kita pernah menduduki tangga ke-12 dan 16 dari segi Sains dan Matematik di sekolah menengah. Kini kedudukan kita jatuh kepada 26 dan 32. Ini adalah penilaian antarabangsa bukannya yang dibuat oleh pihak diri kita. Adakah kerajaan sedar, dan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil untuk mengelakkan tahap pembelajaran Sains dan Matematik terus merosot, apabila kita menuju ke wawasan negara maju? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali tidak?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya, silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sedarkah kementerian bahawa kita makin hari saya lihat makin ramai pelajar-pelajar mendapat 9A, 12A tetapi apa yang kita perolehi pembelajaran kita makin merosot? Jadi apa pendekatan yang akan diambil oleh Kementerian khususnya untuk memperkasakan sekolah kerajaan yang sedia ada sesuai dengan Perlembagaan Negara kita. Sebab kalau tidak, ini akan menjuruskan negara kita ke kancah pembelajaran yang begitu kritikal sebab tidak ada unsur-unsur memperkasakan, *to empower* kita punya sistem pendidikan itu sendiri. Contohnya, kita sudah ada sekolah kerajaan yang sedia ada tetapi kita galakkan sekolah jenis kebangsaan yang lain, jadi ini memecahbelahkan sistem pendidikan yang sedia ada. Jadi apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa sistem yang sedia ada ini dapat diperkasakan dan boleh mewujudkan satu bangsa Malaysia yang menerima sistem pembelajaran kita untuk pembangun masa depan negara.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu sama. Boleh dapat penjelasan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti kejap, sudah ulang dua kali tadi. Dia hendak beritahu seolah-olah dia sahaja yang tahu. Kita tahu sebenarnya sebab itu saya sudah katakan tadi, tapi tidak hendak dengar. Kadang-kadang pembangkang ini tidak hendak dengar. Saya tadi sudah berapa kali saya katakan tadi kita ada rujukan kita kepada badan-badan antarabangsa. Kita semua ada angka bukan tidak ada. Bila saya kata, kita ada rujukan kita, sebab itu kita hendak memperbaiki, sebab itulah kita merasakan

kita perlu memperbaiki, menambah baik sistem tadi. Kalau tidak, tidak adalah kita hendak buat pelan pembangunan, pelan perancangan pendidikan, pembangunan pendidikan untuk menambahbaikkan sistem yang ada pada masa kini. Jadi tidak perlulah ulang dua, tiga kali, kita tahu. Sebab itulah kita menggunakan mereka dan *ranking* inilah yang Yang Berhormat katakana tadi. Okey....

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan kita, soalan kita bukan sama ada...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Bagi saya jawab dahulu soalan tadi.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** [*Bangun*]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Saya tanya soalan lain, Yang Berhormat Menteri jawab lain.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti saya jawab tidak habis nanti.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Soalan kita bukan perancangan. Apakah langkah-langkah spesifik yang akan diambil jangan kata hanya ada perancangan sahaja. Kita tahu ada rancangan, ada *blueprint* tetapi apa yang ada dalam *blueprint*, langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ada inisiatif-inisiatifnya, 25 inisiatif. Ada semua dalam *blueprint*, lengkap semua. Kalau hendak lihat memang *blueprint* itu lengkap. Ada dalam internet pun ada...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kalau Yang Berhormat memang ada inisiatif-inisiatif lengkap, yang jelas yang saya...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Akan tetapi indah khabar dari rupa sahaja, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita ada tiga gelombang. Gelombang satu, gelombang dua dan gelombang tiga. Gelombang ketiganya pada tahun 2025 untuk memastikan yang kita mencapai inisiatif-inisiatif yang jelas yang kita katakan apa yang hendak dilaksanakan. Tadi saya katakan dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa *critical thinking* ada HOTS, saya katakan tadi. Dalam Matematik dan Sains ada program-programnya untuk meningkatkan prestasi-prestasi pelajar-pelajar kita dalam bidang tersebut. Jelas, dalam buku itu memang jelas. So, ada inisiatifnya, ada *milestone*, ada masa-masa jelas di mana inisiatif-inisiatif yang hendak dijalankan dalam gelombang pertama, inisiatif

yang hendak diadakan dalam gelombang kedua, inisiatif yang hendak diadakan dalam gelombang ketiga. Bukannya kita buat ikut suka. Saya katakan tadi kita sudah buat *town hall meeting*, semua pembangkang sudah pergi, ibu bapa semua pergi untuk memastikan kita semua mendapat memorandum, kita mendapat referendum daripada rakyat dan inilah pandangan-pandangan yang telah kita terima apabila kita melaksanakan pelan pembangunan pendidikan tersebut. Bukan kita buat ikut syok seorang sahaja, kita tidak ada duduk lima orang dan pakar-pakar tadi yang kita telah mengambil kira pandangan-pandangan mereka yang juga sudah mendapat nasihat daripada pakar-pakar antarabangsa untuk kita melaksanakan program tersebut...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Banyak lagi soalan yang... Saya hendak cakap tadi hanya saya sudah pergi mula kepada pelan perancangan pendidikan strategik yang telah diungkit tadi beberapa Yang Berhormat daripada...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ini berkaitan dengan *education blueprint*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bagaimana dengan *English stream school*?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti, itu tidak sampai lagi. Kalau hendak itu saya sekarang bercakap tentang perancangan bagi PSP. Saya pergi, saya pergi nanti sekejap. Kalau hendak saya tidak sampai lagi banyak perkara lagi.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya tahu banyak perkara lagi isu-isu sekolah-sekolah yang ditanya oleh beberapa Yang Berhormat tadi. Nanti sekejap. Tunggu masa. Kita pergi satu demi satu supaya tidak dikatakan bercampur-aduk ataupun '*bolok-wok*' kata orang Terengganu, bahasa Terengganu kata, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita pergi pula kepada isu yang juga ditanya daripada Yang Berhormat daripada Kulai, Yang Berhormat daripada Penampang, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Rasah dan juga Yang Berhormat Batu Gajah tentang isu-isu perpaduan sekolah. Yang Berhormat Kinabatangan tadi pun bertanya perkara yang sama. Kita kena menerima hakikat Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa perpaduan hanya boleh wujud jika hanya ada satu sistem, satu sekolah satu aliran sahaja. Jika banyak sistem aliran ia akan menjadi isu tetapi kita menghormati, kita menghormati. Kita menghormati legasi kewujudan sekolah-sekolah vernakular bukan kita tidak menghormati. Kalau banyak sangat sistem dia tidak jadi tetapi kita menghormati. Kerana inilah pakatan kita dahulu dan kerana itulah wujudnya sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil tetapi sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan tetapi mereka

boleh belajar bahasa ibunda mereka di sekolah-sekolah. Itu kita menghormati saya katakan tadi, hendak ulang ini, legasi pendidikan negara kita. Namun kita harap walaupun mereka berbeza sekolah di sekolah jenis kebangsaan di peringkat rendah, kita harap apabila mereka pergi sekolah menengah dia akan jadi satu aliran, iaitu sekolah menengah kebangsaan. Inilah sebenarnya semangat Penyata Razak dan semangat Penyata Rahman Talib dahulu agar di peringkat sekolah menengahnya ianya satu aliran. Sebab itulah ia merupakan langkah-langkah kerajaan untuk melonjakkan, memantapkan sekolah menengah kebangsaan dan untuk memastikan sekolah menengah kebangsaan akan menjadi sekolah pilihan utama. Dengan ini kita harapkan akan wujudnya perpaduan di kalangan kaum kerana kalau pergi sekolah yang berbeza daripada kecil lagi tetapi kita memberi mereka ruang di peringkat sekolah rendah untuk pergi sekolah masing-masing. Akan tetapi di peringkat sekolah menengah kita harap mereka akan pergi satu sekolah, sekolah menengah kebangsaan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun].*

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** *[Bangun].*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun].*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ramai yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Beri, beri tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita sedia maklum pada tahun 1985 mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi telah mengesyorkan satu cadangan iaitu RIMUP iaitu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan iaitu dengan tujuan menggabungkan sekolah-sekolah mengadakan aktiviti bersama antara sekolah-sekolah pelbagai aliran dan ianya agak rancak sejak beberapa tahun ini. Akan tetapi satu masalah yang dihadapi oleh kementerian ialah jarang untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi untuk kita bergerak ke hadapan dengan memperbanyakkan lagi program RIMUP. Apakah cadangan kementerian untuk kita merencanakan dengan mendapatkan peruntukan kerana itu objektif yang baik dan memang dapat mencapai sekurang-kurangnya objektif yang kita hendak sejak kecil lagi mereka dapat bersama-sama bersukan dan juga aktiviti kokurikulum untuk dianjurkan bersama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.



**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya ingin dapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sekali lagi adakah Yang Berhormat Menteri percaya bahawa Negara kita kurang bersatu. Kita tidak ada perpaduan di antara masyarakat berpunca daripada sekolah kita berasingan bahasa, berasingan arus. Kalau itu puncanya maksudnya kerajaan harus berusaha untuk hapuskan arus-arus yang lain. Kalau itu bukan puncanya kita harus cari cara untuk mendapatkan perpaduan. Jadi saya agak keliru dengan perkara ini kerana pada suatu ketika Yang Berhormat Menteri sebut puncanya adalah perpaduan ini kerana pelbagai aliran. Pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri kata kita kena menghormati legasi ini dan mengukuhkan perbezaan ini. So, saya ingin dapatkan satu penetapan apa maksud Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat sedikit sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit sahaja lagi.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Saya hendak sebut tentang legasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta komen dari Yang Berhormat Menteri tentang komen-komen legasi dan perpaduan. Dalam *education blueprint* yang baru, saya rujuk kepada satu mesyuarat rasmi di bulan Februari tahun ini yang dipengerusikan oleh bekas Menteri, Tan Sri Bernard Dompok di Kolej Methodist Kuala Lumpur. Pada mesyuarat itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ya, pihak Kristian, dan saya pun hadir. Langsung tidak puas hati tentang apa sebab lebih kurang 400 *missionary schools* di negara kita, tidak sebut satu perkataan atau satu *paragraph* tentang *education blueprint* yang baru ini. Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kewujudan kepelbagaian aliran sekolah bukannya batu penghalang kepada integrasi nasional sebaliknya ia adalah merupakan aset penting Malaysia di persada antarabangsa. Yang Berhormat Menteri, tahu atau tidak yang sekolah jenis kebangsaan Cina ini bukan untuk yang berketurunan Tionghoa sahaja. Lebih kurang 85,000 pelajar adalah bukan dari orang Cina. Ini adalah untuk semua kaum, semua anak Malaysia. Ini adalah aset yang penting dan saya harap kerajaan dapat memberikan layanan yang adil dan saksama kepada semua aliran sekolah kerana ini adalah warisan bangsa negara yang patut dijaga dan dibela. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat Air Hitam tadi yang membangkitkan tentang program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Betul Yang Berhormat bahawa memang kita melihat program ini adalah satu program yang berkesan. Dalam penilaian kita baru-baru ini, kita ingin memastikan supaya peruntukan lebih diberi kepada program ini agar pelajar-pelajar dari pelbagai kaum dapat bersatu padu dalam satu program kokurikulum, aktiviti-aktiviti kurikulum juga aktiviti-aktiviti sekolah yang memastikan mereka dapat hidup. Mereka dapat memahami di antara satu sama lain. Saya ada seorang pegawai di kementerian yang dahulunya pergi ke sekolah yang mana ada kaum Cina, kaum India dan kawan-kawan kaum Cina datang ke rumahnya. Dia pun pergi ke rumah kawan-kawannya. Kawan-kawan kaum India semua pergi kerana mereka bermula daripada sekolah. Dengan adanya kefahaman tersebut, saya pun dahulu abang-abang saya, sekolah ini memang kita - di kampung saya sendiri pun memang kawan-kawan saya dari zaman persekolahan yang membuat lebihnya integrasi di antara kita semua. Jadi, masih kita lihat bahawa kita hendak pastikan agar kita hanya ada satu sekolah menengah kebangsaan dan dilonjakkan atau dimantapkan seperti yang saya kata tadi agar ini menjadi sekolah pilihan. Akan tetapi kita menerima dan menghormati legasi kewujudan sekolah-sekolah lain. Itu yang perlu saya katakan dan saya katakan sekali lagi pada kali ini. Untuk mata pelajaran Sejarah, Yang Berhormat Penampang ada bertanya tentang kurikulum sekolah yang mana ramai pelajar-pelajar kita tidak faham sejarah. Oleh sebab itulah pada tahun ini pelajar-pelajar diwajibkan untuk...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tentang sejarah.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak jawab lagi hendak bertanya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh sebab soalan sejarah ini saya hendak bertanya sedikit.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya lah nantilah dahulu. Tidak jawab lagi. Nantilah dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi peluang selepas ini ya.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selepas ini bagi peluang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Duduk. Nanti dahulu. Biar saya jawab dahulu. Saya beri peluang kepada semua tadi. Untuk mata pelajaran Sejarah ini kerana ramai yang tidak tahu. Rukun Negara pun tidak tahu. Bendera macam mana pun tidak tahu. Tidak tahu Perlembagaan Negara. Jadi, oleh sebab itulah kita mewajibkan mata pelajaran Sejarah pada tahun ini dalam peperiksaan SPM. Kita harap dengan kefahaman ini mereka lebih faham. Kita panggil semua pakar-pakar sejarah daripada pelbagai kaum untuk

merumuskan inti pati pendidikan tersebut. *Insyah-Allah* pada tahun ini ia akan menjadi satu mata pelajaran wajib dan agar semua pelajar memahami sejarah negara kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh ya?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak merujuk spesifik kepada sejarah ini. Saya ingin bertanyakan kepada pihak Menteri, apakah polisi kerajaan berkaitan dengan tokoh-tokoh yang memang berjasa dari segi menuntut kemerdekaan dalam negara kita ini tanpa mengira sama ada mereka ini daripada ideologi politik mana pun, kiri, Islam dan sebagainya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Kita ada peraturan mesyuarat yang cuma perkara-perkara yang dibangkitkan akan didahulukan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa ini relevan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya ingat Yang Berhormat baru dalam..., pada peringkat ini Yang Berhormat, saya minta tolong untuk tidak dibahaskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cuma saya hendak bertanya, dalam buku teks tentang sejarah saya dapati mereka-mereka yang berjasa ini sepatutnya diberikan ruang untuk diketahui oleh murid-murid sekolah. Ini kerana dari segi sejarah tidak boleh berbohong. Mereka ada jasa mereka. Oleh sebab itulah sebagai contoh, Mat Indera yang telah dinobatkan oleh Kerajaan Negeri Johor... [*Dewan riuh*] Sabar dahulu! Kerajaan Negeri Johor telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...menyatakan bahawa beliau adalah salah seorang tokoh sejarah yang dibanggakan oleh rakyat negeri Johor. Oleh sebab itulah saya ingin bertanya kalau betul mereka-mereka ini ada menyumbangkan kenapa kita tidak harus dedahkan kepada murid-murid sekolah kerana mereka ini juga ada jasanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan hanya menyatakan orang yang terlibat dalam kemerdekaan ini hanya orang UMNO sahaja. Ini tidak betul!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dari segi sejarah kita telah berbohong tentang sejarah. Ini saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil pengetahuan tentang perkara ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Chin Peng, Chin Peng.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mengambil iktibar tentang isu ini.  
**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri beri jawapan tentang perkara yang dibangkitkan, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Bila bercakap tentang sejarah tadi sebenarnya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat soalan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama. Boleh minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bangun sahaja. Tidak payah macam ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, ya. Okey, okey.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kurikulum sejarah ini bukan kementerian senang-senang hendak beritahu nama. Sebenarnya ia diungkit oleh pakar-pakar sejarah yang bukan hanya daripada orang-orang Melayu tetapi dari bangsa Tionghoa, mereka yang terdahulu. Sebenarnya satu komiti yang *high profile*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah diadakan. Jadi, kalau dirasakan perlu, merekalah yang akan mengatakan apa keperluan-keperluan itu. Saya hendak pergi kepada isu yang seterusnya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Iaitu isu berhubung dengan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan. Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti *you* banyaklah. Duduk dahulu. Banyak lagi isu ini. Isu Pendidikan Islam yang diungkit oleh Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan juga Yang Berhormat Temerloh tentang masa untuk pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Sebenarnya untuk Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, kementerian telah memperuntukkan sebanyak 240 minit seminggu. Bagi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebanyak 160 minit seminggu dan untuk sekolah rendah sebanyak 180 minit seminggu. Kita dapati bahawa ini adalah mencukupi kerana banyak lagi aktiviti-aktiviti yang berteraskan Islam ini boleh dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti Maal Hijrah, program JQAF, program Maulud Nabi, bantuan bestari solat dan sebagainya di sekolah-sekolah. Juga berhubung dengan program teknik dan vokasional...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Mata pelajaran Agama Islam.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan wajib lulus mata pelajaran Agama Islam bagi pelajar-pelajar Islam sebagaimana wajibnya mata pelajaran Sejarah? Ini kerana ianya cukup penting dan ini menjadi asas kehidupan terutamanya yang bukan Islam. Fenomena hari ini kalau kita tengok dalam negara kita cukup membimbangkan. Hanya 25% sahaja keseluruhan orang beragama Islam yang penuh patuh terhadap perintah solat terutamanya sembahyang lima waktu, cukup lima kali sehari. Bagaimana kementerian menangani isu yang sangat penting ini? Kenapa perkara ini tidak dipertimbangkan dalam Sistem Pendidikan Negara?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam merencana untuk memastikan kurikulum dan juga mata pelajaran, masa di sekolah-sekolah, sebenarnya banyak faktor perlu diambil kira. Jadi, pandangan Yang Berhormat itu akan diambil kira dan dilihat di pihak kementerian. Saya ingin membawa kepada beberapa usul atau pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat daripada Pengerang, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan juga Yang Berhormat daripada Limbang berhubung dengan pendidikan vokasional dan juga teknik. Memang untuk di Pengerang, oleh sebab adanya Program RAPID di sana, kita telah memastikan agar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pengelih, betul-betul ini. Tanjung Pengelih akan dijadikan kolej vokasional pada tahun 2015 untuk memastikan mereka boleh memberi pendedahan kepada program-program *oil and gas*, dengan izin, di Parlimen tersebut. Kita lihat kita telah mempertingkatkan program-program pendidikan vokasional, di mana kita telah mewujudkan sekarang ini 15 kolej vokasional. Kalau dahulunya kita dapati hanya ada sekolah vokasional. Akan tetapi ramai yang tidak sedar bahawa 15 buah sekolah vokasional telah diangkat tarafnya, ditingkatkan tarafnya menjadi kolej vokasional, yang mana sekolah-sekolah ini akan menawarkan mata pelajaran untuk mereka yang mendapat diploma daripada kolej-kolej

tersebut. Mereka lepasan Tingkatan 3, masuk Tingkatan 4, boleh masuk kolej vokasional dan mereka boleh mendapat penarafan ataupun diploma daripada kolej vokasional tersebut. Kementerian juga telah memastikan ada pendidikan asas vokasional di sekolah-sekolah menengah, mula daripada Tingkatan 1. Kalau dahulunya ia bermula daripada Tingkatan 4 tetapi sekarang telah mula daripada Tingkatan 1. Program-program pendidikan vokasional dan teknik ini sedang diperkasakan di sekolah-sekolah kebangsaan. Jadi, sekarang kita mempunyai 83 kolej komuniti dan 32 politeknik untuk memastikan agar sekolah-sekolah ini akan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar dalam bidang vokasional dan juga teknik. Sekolah menengah harian juga sekarang ini, yang mana 65 buah sekolah menengah harian telah mula memberi 21 kursus dalam bidang vokasional.

Ramai juga yang bertanya tadi tentang profesional perguruan, yang ini ada persoalan dan pertanyaan, usul daripada Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Jerantut dan juga Yang Berhormat Kanowit yang membuat pertanyaan-pertanyaan tentang profesional perguruan ini. Oleh sebab itu sekarang ini kementerian sedang membuat dan memastikan agar mereka diberi latihan yang mencukupi. Bukan hanya mencukupi tetapi juga latihan-latihan yang berkualiti untuk memastikan pengurusan-pengurusan di peringkat sekolah dan di peringkat daerah dipertingkatkan agar dapat melahirkan bukan hanya guru-guru tetapi juga pemimpin-pemimpin di peringkat daerah dan di peringkat negeri yang berkualiti agar sistem pendidikan guru itu dapat ditingkatkan. Saya katakan tadi bahawa di sekolah-sekolah juga ada kita menambahkan pembantu-pembantu sekolah ataupun guru pembantu untuk memastikan beban guru itu akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Batu Gajah bangun Yang Berhormat, dan Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan berkaitan dengan satu masalah yang kerap kali dibangkitkan. Saya tidak tahu sama ada ia telah dibawa kepada perhatian Kabinet ataupun tidak. Ini adalah berkaitan dengan guru-guru interim di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil. Di dapati sekarang terdapat lebih kurang 200 orang guru yang masih menunggu untuk diberi latihan. Bagi guru-guru yang tidak layak mungkin mereka terpaksa menghadiri kursus enam bulan dan untuk guru-guru yang layak boleh terus diserapkan untuk menjalani latihan perguruan. Akan tetapi saya tidak tahu kenapa masalah ini masih tidak dilaksanakan. Guru-guru ini masih menunggu, setiap hari mereka menunggu keputusan daripada pihak kementerian supaya mereka diberi peluang untuk

melanjutkan pelajaran dalam bidang perguruan ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Soalan...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya notis kerana merupakan soalan yang spesifik untuk saya jawab.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Jasin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak ucap tahniah kepada pihak kementerian yang sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan lagi pencapaian, pendidikan dan juga perguruan. Apa pun saya hendak mencadangkan supaya kita selalu membuat satu penyusunan semula supaya sistem dan penstrukturan pendidikan negara sentiasa kita berikan pemantauan. Kita hendak tengok kalau boleh bukan sahaja daripada prasekolah bahkan sampai kepada institusi pengajian tinggi. Penstrukturan ini penting terutama kepada pelajar-pelajar bumiputera, bukan sahaja daripada segi aspek pembelajaran bahkan daripada segi biasiswa. Kita mesti bermain di padang yang rata, Yang Berhormat. Kita kekurangan infrastruktur, kita kekurangan kemampuan untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Apa yang saya ingin sebut di sini, saya ada mencadangkan supaya sistem meritokrasi yang telah dicadangkan oleh kerajaan pada ketika ini dimansuhkan. Apa sebab? Ia tidak adil kepada pelajar-pelajar bumiputera. Apa yang saya sebut tadi, "*Kita bermain di padang yang tidak rata*". Ini kerana kita dapat lihat setakat ini 80% biasiswa tadi dikongkong oleh satu kaum dan kita dapat lihat 35% sahaja pelajar-pelajar bumiputera hanya dapat peluang ke institusi pengajian tinggi. Saya hendak sebut di sini yang kedua Yang Berhormat Menteri, boleh ya? Saya sebut di sini, biasiswa ini kerana kita mengamalkan sistem meritokrasi, kita ada tengok satu cara sekarang. Mungkin institusi pengajian swasta, kita tengok institusi tersebut mendapat sokongan daripada semua rakyat kerana dia tengok dekat sana kelulusan cukup cemerlang dan dia dapat biasiswa. Adakah kerajaan membuat pemantauan kerana kita takut mereka ada, kita tidak hendak ada penyelewengan. Mungkin ada permainan di sana...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Isu barukah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat..

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kerana kalau tidak, kita ada 80% satu kaum hanya menguasai biasiswa ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sungai Petani celah sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan profesion perguruan Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Saya lihat contohnya di Sungai Petani, sebuah maktab perguruan yang telah pun mengeluarkan pelajarnya, sudah *graduate* dua tahun tetapi mereka ini masih lagi tidak dapat diserapkan ke dalam perkhidmatan. Soalan saya ialah adakah apabila kerajaan membuat perancangan, sama ada dikira jumlah perjawatan dengan jumlah guru-guru yang akan dikeluarkan mengikut bukan sahaja *qualification*

tetapi bidang-bidang tertentu. Kedua, apabila kita keluarkan graduan ini, sudah tentulah bajet yang kita luluskan tiap-tiap tahun di Parlimen ini telah mengambil kira dengan perjawatan yang ada. Soalan saya, sampai dua tahun mereka ini tidak diberi tawaran untuk bekerja. Apakah masalah perjawatan ataupun masalah bajet yang tidak boleh disampaikan ke pihak sekolah? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh celah sedikit? Saya hendak bincang dengan Yang Berhormat Menteri ini isu tentang pembantu guru. Saya faham dan saya tidak begitu selesa dengan cadangan pembantu guru kerana kita tidak menyelesaikan masalah pokoknya bahawa PBS ini ada masalah dan kalau tidak menyelesaikan masalah pokoknya, kita pergi tambah pembantu guru, didapati hanya bebankan guru dan bebankan kewangan. Saya juga hendak bangkitkan isu tentang *politicization of education*. Dalam pendidikan saya diberitahu JPN Johor ini melarang Ahli Parlimen atau ahli wakil rakyat Pakatan Rakyat masuk sekolah walaupun program itu hanya sewa tempat sekolah tetapi Ahli Parlimen atau wakil rakyat tidak dibenarkan masuk sekolah langsung. Selain itu, JPN Johor juga telah menubuhkan satu pasukan untuk mengawasi aktiviti-aktiviti peribadi, aktiviti-aktiviti sosial media guru ataupun pengetua ini secara peribadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya rasa ini regresiflah, ini tak perlu. Saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau boleh *we take away politics from this*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Habiskan jam 1 Yang Berhormat..

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri minta maaf, Kapar ini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Kapar pula, okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tak suka bercakap Yang Berhormat, Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Saya ada penjelasan hendak minta. Masyarakat kini melihat kerjaya guru tidak sepopular seperti zaman dahulu. Jarang kita mendengar anak-anak muda bercita-cita untuk menjadi seorang guru berbanding dengan doktor, akauntan dan sebagainya.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ringkaskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meletakkan profesion guru sebagai setaraf dengan profesion-profesion lain? Oleh sebab kita tidak nampak sesiapa yang dapat *score straight A* hendak jadi guru. Apakah langkah-langkahnya? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pandangan kepada profesion guru telah bertambah baik. Jadi sebab itulah kementerian telah membuat sasaran hanya mereka yang 30% terbaik di dalam prestasi mereka boleh menjadi guru. Di Semenanjung ini, jika mereka tidak mendapat 7A jangan mintalah hendak jadi cikgu kerana itulah syarat minimum untuk menjadi guru. Sejak balik, macam biasa kita balik kampung, dua minggu berturut-turut anak yang mendapat *straight A's*, semua A, A+, pun dua, tiga, empat, lima, hendak jadi cikgu terutama guru matematik tidak dapat kerana tidak ada kekosongan. Oleh kerana telah dipenuhi mengatakan bahawa sekarang ini telah berbeza. Kalau dahulunya mungkin kerajaan di peringkat permulaan dahulu ingin memastikan agar kita memenuhi, kita buat sekolah, ada sekolah kosong kena tambah guru, tambah guru kena ada IPG. Itu dahulu, sekarang telah berbeza sebenarnya. Kita lihat yang memohon menjadi guru kebanyakan mereka, sekurang-kurangnya 7A, tidak kurang yang dapat 8A, 9A yang memohon jadi guru. Jadi profesion perguruan ini ialah satu profesion yang begitu mulia sebenarnya yang mendidik masa depan negara kita. Lanya saya lihat kebelakangan ini telah menjadi satu diminati dan dapat menarik pelajar-pelajar yang terbaik untuk menjadi guru.

Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang meritokrasi dalam sistem. Sebenarnya ada juga kita tidak menggunakan meritokrasi sepenuhnya dalam apa juga program-program kita. Katakanlah dalam pengambilan guru pun sama yang saya katakan tadi, kalau hendak cari guru daripada Semenanjung, mungkin minimumnya 7A. Akan tetapi hendak cari guru daripada Sabah dan Sarawak, kita ada sedikit kelonggaran, mungkin 5A pun boleh menjadi guru kerana kita memberi ruang-ruang kepada mereka dari Sabah dan Sarawak untuk menjadi guru. Kalau semuanya 7A dan payah kita hendak cari di Sabah dan Sarawak, sebab itu kelonggaran diberi kepada mereka agar mereka juga...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Jadi sistem yang digunakan di kementerian bukan sepenuhnya meritokrasi, kita juga melihat keperluan-keperluan asas, keperluan-keperluan tempatan untuk memastikan kita boleh memberi ruang kepada mereka. Tentang pembantu guru. Nanti sekejap, tidak habis jawab lagi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Saya mahu tanya.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Duduk dulu, tidak habis jawab lagi. Duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak bagi jalan lagi, nanti, *relax* dulu. Untuk pembantu guru, inilah saya katakan tadi sebab kita hanya menyuarakan pandangan kita sebagai seorang Ahli Dewan. Oleh sebab apabila kementerian membuat sesuatu keputusan, ia bukan hanya mendapat pandangan kawan-kawan, kita mendapat pandangan guru, kita mendapat pandangan masyarakat. Jadi sebab itulah kita mengadakan dalam sistem PBS itu, kita ada wujudkan pembantu guru. Mungkin kita mengatakan di sini tidak perlu, *then* sudah ada orang Ahli Parlimen, kalau guru dengar marah. Dia kata Ahli Parlimen yang mengatakan guru tidak perlu pembantu. Ini dikatakan dalam Parlimen. Jadi kita buat keputusan, jangan kita seronok-seronok sahaja sebab di kementerian, kita buat keputusan kita mengkaji. Mungkin perlu guru kepada pembantu tetapi tidak mengatakan bahawa bebanan guru itu tidak boleh dikurangkan. Saya minta kementerian, kakitangan untuk membuat penilaian semula tentang PBS ini. Mungkin ada input-input yang tidak perlu, perlu kita pastikan guru juga mendaftar, menulis, membuat laporan. Ataupun kita kurangkan laporan, dengan mengurangkan laporan mungkin guru-guru tidak perlu lagi membuat laporan yang panjang berjela, membuat laporan cukup-cukup untuk menilai prestasi pelajar-pelajar. Ini boleh saya katakan tadi mengurangkan laporan-laporan yang perlu dibuat oleh guru di samping kita meningkatkan lagi kelajuan *internet*, *capaian internet* dan kawasan-kawasan yang masih. Sebenarnya memang betul kita faham, kita masih mempunyai banyak masalah di Sabah dan Sarawak kerana satunya isu-isu infrastruktur, isu-isu *internet* tadi yang memerlukan masa untuk kita melaksanakan sepenuhnya. Isu rumah guru memang pada tahun ini diperbincangkan di peringkat kementerian. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak, kita akan meningkatkan dan memastikan mereka mendapat peruntukan yang lebih untuk memastikan infrastruktur mereka ini dibela dengan sebaik-baiknya. Saya hendak pergi kepada isu pertukaran guru yang juga menjadi satu isu yang...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Mencelah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran bangun.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, sila.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Boleh saya balik sedikit kepada infrastruktur untuk Sabah itu. Saya ada sebut dalam perbahasan berkenaan dengan bagaimana hal-hal infrastruktur di Sabah dapat dipertingkatkan iaitu berkenaan dengan soal bagaimana kelulusan projek-projek dibuat, kuasa di Persekutuan dan kuasa negeri. Oleh kerana masa tidak panjang, saya kluatir kalau Yang Berhormat Menteri tidak dapat sampai ke situ. Yang saya bangkitkan dalam perbahasan ialah adakah pihak kementerian akan memberi balik kuasa Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah

dalam soal pelantikan perkara-perkara yang senang seperti pembaikan, pelantikan, pembersihan, pelantikan pengawal keselamatan, pelantikan kontraktor kantin sekolah sebab sekarang ini semua dibuat di Putrajaya. Ada pengusaha dilantik daripada Kuala Lumpur, daripada Semenanjung yang tidak tahu pun keadaan sebenarnya di Sabah. Mohon penjelasan, terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri, saya dapati bahawa terdapat ramai guru kontrak yang ada di semua kawasan termasuk di kawasan saya. Apabila saya bertemu dengan mereka, mereka berasa seolah-olah mereka tidak ada masa hadapan. Jadi apakah perancangan kerajaan untuk menentukan bahawa guru-guru kontrak ini boleh diberi harapan semoga mereka dapat diserap ke dalam sistem untuk menjadi guru tetap. Apakah mungkin pihak kementerian boleh menetapkan satu tarikh katakan tiga tahun ataupun empat tahun supaya mereka dapat diserapkan dalam sistem supaya masa depan mereka terjamin...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekejap, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Minta..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat, Bayan Baru Yang Berhormat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Masa tidak mengizinkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit sahaja. Untuk kita semua sanjung mulia guru-guru kita dan kita mahu yang terbaik untuk guru-guru kita. Akan tetapi walau bagaimanapun kalau selepas mereka menjadi guru tetap, kita tahu bahawa ada yang *perform*, ada yang *under perform*. Untuk yang *under perform*, macam mana? Oleh kerana kita tahu bahawa kita mahu yang terbaik untuk anak cucu kita. Jadi untuk guru-guru yang *under perform*, ada apa-apa tindakan Kementerian untuk meningkatkan *performance*? Atau mungkin akan ada apa-apa tindakan daripada Menteri?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih kepada kawan saya dari Tuaran tadi. Sebenarnya saya juga terkejut apabila di peringkat permulaan di kementerian dan di Dewan ini ramai daripada kawan-kawan kita yang mengatakan bahawa semua keputusan di Sabah dan Sarawak ini dibuat di peringkat pusat. Jadi apabila kita menilai, kita dapati memang pada satu masa dahulu telah diserahkan kepada peringkat negeri tetapi tidak berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya telah juga bercakap juga dengan pihak-pihak, pegawai-pegawai di kementerian untuk melihat satu sistem yang lebih baik. Saya setuju dengan pandangan tersebut bahawa kalau kita

boleh *delegate*, menurun kuasa kita kepada peringkat daerah-daerah itu lebih baik. *Insyallah* pandangan daripada Yang Berhormat itu akan diambil kira...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, boleh tambah sedikit?

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya pun sebetulnya mengalu-alukan langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebab terlalu kritikal kalau kita lihat. Apa-apa pun kita minta semua dari Putrajaya. Jadi kalau boleh pastikan dalam tahun ini juga langkah drastik itu dapat diambil dan perkasakan PPD di Sabah, di daerah-daerah, tidak perlu lagi melangkah jauh ke Putrajaya, ke Kota Kinabalu, bahkan PPD di kawasan pun mempunyai kuasa mutlak mereka untuk melaksanakan pembangunan sekolah-sekolah yang daif di Sabah yang selama ini menghalang, menjadi kekangan untuk perkembangan pendidikan itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya inilah yang menjadi dalam pelan perancangan pembangunan tadi.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Saya pendek sahaja untuk...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tambah lagi? Nak sokong lagi? Saya dah sokong dah tadi, okeylah. Saya tahu.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Sikit sahaja. Saya cuma mahu bagi contoh sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Contoh?

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Ya. Baru-baru ini saya melawat SK Penimbawan di Tuaran dan SK Serusup baru-baru ini dan saya amat terkejut bahawa sekolah itu bekalan air pun tidak ada. Saya telah menerima permohonan daripada sekolah, permohonan hanya dapat RM20,000 dan saya telah menggunakan peruntukan Parlimen saya untuk menyelesaikan masalah itu. Sepatutnya bekalan air yang begitu murah, RM20,000 ke RM50,000 sepatutnya boleh diselesaikan oleh PPD atau pengarah pelajaran tetapi kuasa Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah hanya setengah juta dalam setahun. Kenapa kuasa dia begitu rendah sekali? Bagaimana dia boleh menyelesaikan masalah? Kemudian di SK Serusup...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Menteri dah sokong dah isu ini Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Mahu bagi contoh sahaja untuk rekod.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, saya sokonglah.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** ....begitu canggih untuk menyelesaikan masalah dua sesi. Bangunan cantik tetapi oleh kerana tidak ada bekalan kerusi, dia masih lagi dua sesi. Itu saya mahu bagi contoh sahaja.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat, memang saya dah katakan tadi bahawa kita punya banyak isu infrastruktur di Sabah dan Sarawak dan kita peka tentang perkara tersebut. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pun kita sudah ada inisiatif untuk menurunkuasakan, memperkasakan PPD dan juga pengarah-pengarah negeri sebenarnya Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh saya masuk dalam Twitterlah keputusan kementerian ya?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Memang itu dah, kalau tidak di Twitter pun memang ada dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dah ada dah. Nak *tweet* pun boleh, *tweet*lah. Memang ada dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ruang Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Pemerksaan sebenarnya dan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Kinabatangan ada Twitter ya?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Untuk guru kontrak ini,....

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Orang lain menyamar.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sememangnya bukan semua guru kontrak boleh dijadikan guru tetap kerana memang kadang-kadang mereka itu tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Ini kerana kita nak pastikan agar mereka itu punya kualiti yang dikehendaki, bukan semuanya akan dapat diserapkan ke dalam program-program ataupun jadi sebagai guru tetap.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Untuk guru yang dikatakan tidak dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya atau yang *under perform*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini sememangnya di kementerian ada *exit policy* ataupun menukar *option* mereka. Kadang-kadang kala mereka tidak baik mengajar Sejarah tetapi mereka merupakan guru baik Matematik. Jadi, ini perubahan, *option* ini harus diberi kepada mereka dan

*multi option*, dengan izin juga, Tuan Yang di-Pertua, agar guru-guru ini boleh dan dapat mengajar dengan baik dan boleh memberi khidmat yang terbaik mengikut kemampuan mereka masing-masing. Akan tetapi kalau dah buat semua dan tak dapat juga mereka laksanakan dengan baik agar sampai anak cuculah. Saya ada cucu dah, orang lain tak ada lagi. Kita nak pastikan agar guru-guru yang dikatakan *under perform* ini perlu dikeluarkan daripada sistem dan tak ramai. Sebenarnya itulah yang harus kita lakukan daripada semasa ke semasa. Saya nak sentuh satu lagi isu...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sekejap, sekejap. Berhubung dengan pertukaran penempatan guru, ini juga satu perkara yang diungkitkan dan menjadi satu isu yang hangatlah di Dewan ini apabila Timbalan Menteri menjawab dahulu. Sebenarnya masa kini, kita lihat jumlah keseluruhan permohonan pertukaran ialah 16,825 permohonan. Banyak yang hendak bertukar tetapi yang boleh kita luluskan dan ada kekosongan hanya 2,658 permohonan sahaja. Sebab itulah timbul keresahan di kalangan guru di mana mereka tidak mampu ditempatkan mengikut permohonan-permohonan mereka kerana lebih, ramai sangat. Daripada 16,825 orang guru yang memohon, hanya 2,658 orang guru sahaja yang dapat kita memberi ruang untuk mereka. Ini berlaku antara sebab-sebab banyak perkara berlaku di kementerian ini kerana penambahan had umur perkhidmatan guru sebanyak dua tahun. Kalau dahulunya 58 tahun, jadi naik kepada 60 tahun, ini menyebabkan tidak ada kekosongan. Yang dahulu sepatutnya kosong, tidak ada kekosongan. Akan tetapi pada akhir tahun ini, mereka yang dahulunya 58 tahun, dua tahun yang lalu, sekarang dah menjangkau umur 60 tahun. *Insyallah* kita boleh beri mereka ruang untuk pertukaran sebanyak 4,000 ke 5,000 orang setahun itu akan dapat dilaksanakan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat Menteri, minta sikit sahaja. Ini cuma peringatan daripada suara guru sahaja. Yang Berhormat Menteri, pertama sekali saya ingin menyampaikan rungutan guru ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh kita dapat buat perubahan ataupun tidak di mana sistem bai'ah kepada guru-guru yang cemerlang, sekolah cemerlang. Di mana pengetua akan dapat RM7,500, PK dapat RM1,500, guru-guru dapat RM900 dan juga pentadbiran RM500. Perbezaan ini terlalu jauh di mana pengetua dapat RM7,500. Timbul rungutan guru-guru di mana perkara ini terlalu jauh perbezaan antara RM7,500 dengan RM900. Jadi, guru-guru merasakan mereka ini dibuli dan ditekan oleh pengetua-pengetua. Jadi, kalau boleh dapat kita dekatkan sedikit jurang itu untuk mereka ini merasakan bahawa mereka ini tidak dibuli dan faktor kewangan menjadi perkara yang penting, guru-guru kerana berkhidmat untuk mendidik anak-anak tetapi faktor kewangan memainkan peranan sampai mereka hilang semangat dan rasa mereka ini ditekan. Ini kita harap dapatlah Menteri menjawab dan kalau boleh ada sedikit perubahan. Yang keduanya, tentang pentafsiran berasaskan sekolah. Pentafsiran berasaskan sekolah ini di mana guru-guru terpaksa *key-in* selain mengajar. Dia minat mengajar tetapi terpaksa *key-in* dan kadang-kadang internet lambat, mereka

sampai tengah malam. Jadi, harapkan dapatlah ada perubahan sikit untuk daripada segi kelajuan internet dan sebagainya ataupun mereka menuduh kita ini daripada segi projek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan isu penempatan guru tadi, ini isu besar. Dalam usaha yang saya lihat kementerian nak lakukan, nak letakkan tahap pendidikan kita pada tahap yang begitu baik hingga bertaraf antarabangsa. Isu utama ialah soal kebajikan guru ini perlu diberikan perhatian. Isteri berada di Johor, suami di Sarawak dan ini boleh mengganggu emosi. Apakah kerajaan mempunyai mekanisme khusus? Saya bukan tidak berpuas hati tapi rasanya mesti kementerian menangani isu ini dengan begitu bersungguh-sungguh atau apakah keperluan diwujudkan satu jawatankuasa misalnya untuk melihat perkara ini. Supaya isu guru ini, yang duduk berjauhan ini dapat diselesaikan kerana ia melibatkan emosi dan mengganggu kepada usaha untuk mengajar dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyentuh berkenaan organisasi Kementerian Pendidikan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya, saya sedang jawab tentang pertukaran guru ini. Memang Yang Berhormat, saya bersependapatlah dengan Yang Berhormat kerana saya bila saya datang ke kementerian, saya lihat ada perkara yang perlu diselesaikan. Memang bila balik kawasan, kawan-kawan, Yang Berhormat-Yang Berhormat pun selalu beri surat kepada saya. Ada banyak yang tak berjaya daripada yang berjaya kerana tadilah, betullah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Contoh Yang Berhormat, ada yang guru-guru enam tahun berpisah dengan isteri. Bayangkan bagaimana sengsaranya jiwa dia.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Betul, betul Yang Berhormat. Saya faham.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia kahwin lain di Sarawak tetapi sayang isteri dia di Semenanjung.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat, saya bersimpati sebab itu saya katakan tadi bila saya ke kementerian, saya lihat ini adalah satu perkara penting yang perlu diselesaikan dengan baik. Saya bincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dia juga bersetuju bahawa ini satu isu yang perlu dan kita minta input daripada Yang Berhormat. Kita akan adakan satu jawatankuasa khusus sebenarnya untuk memastikan bagaimanakah caranya agar guru-guru ini dapat diberi

tempat, dapat diberi keadaan yang mana mereka boleh mengikut. Memang berjauhan daripada suami ini bukan satu pilihan yang baiklah kepada mereka dan kita bersungguh-sungguhlah tentang isu ini, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Maknanya, Kementerian bersetujulah tubuhkan satu jawatankuasa khas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan supaya kementerian melihat kepada organisasi guru. Oleh kerana kita dapati di daerah-daerah, PPDnya lebih *junior* daripada pengetua-pengetua. Jadi, dalam hal ini bagaimana pengarah PPD boleh mengawal pengetua-pengetua sedangkan pengetua ada yang JUSA pun, JUSA C.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tak beri laluan pun dah bangun. Macam mana ni?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ini perlu dilihat dan diperbetulkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, ini dah lebih dah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun, ramai yang macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ..... besar, itu tak kesah. Isu guru tadi.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat duduklah dulu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nak habis dah, nak habis dah. Ini dah kata-kata penutup.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, saya nak minta komitmen kementerian tadi. Apakah kementerian bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani isu...



**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dah bersetuju dah, dah setuju dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Menteri dah setuju dah.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dah setuju dah, dah setuju dah. Kita dah bincang di peringkat kementerian untuk menubuhkan jawatankuasa khas tersebut. Okey Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Soalan belum dijawab lagi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Celah, celah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dah habis dah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ada banyak soalan yang tak dijawab ini, Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang melihatkan pentingnya isu-isu pendidikan di dalam Pelan Pendidikan Negara...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tak jawab soalan yang dibangkitkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bolehkah Yang Berhormat, perkara-perkara yang tidak terjawab ini dijawab secara bertulis kepada mereka-mereka yang telah mengemukakan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang mana yang perlu boleh jumpa saya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu janji nak tulis-tulis tapi tak jawab.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ini apa standard macam ini?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini boleh jawab, sebelah petang boleh jawab.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** ...yang mengatakan betapa pentingnya pendidikan untuk membangunkan negara kita dan...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri jangan lari macam kereta apilah, jawab soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, tadi waktu Menteri jawab, dia keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, diamlah Yang Berhormat. Diam, diam.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Dia lari daripada tanggungjawab.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ya, soalan tak jawab. *First time* Menteri, jawablah semua, baru ada standard.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Soalan ini pun dah dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri itu hari.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ini tak ada standardlah tak jawab, Menteri *first time* jadi jawablah.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sebab itu jangan curi masa banyak sangat tadi. Terima kasih kepada semua yang telah...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sekarang menjawab untuk dua kementerian, kena tahu tanggungjawab berat. Patut semua jawablah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Yang di-Pertua, celah sikit Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih.

**UCAPAN MENGGULUNG Y.B. TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN 2  
UNTUK MENJAWAB ISU-ISU YANG DITIMBULKAN SEMASA  
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012)  
2013 DI DEWAN RAKYAT  
PADA 17 JULAI 2013**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pendidikan rendah ya, yang lain jawab bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Kalabakan dan dua Yang Berhormat yang mencelah tadi. Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Lenggong yang telah membangkitkan isu-isu yang berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Maksud Bekalan B.41 tambahan sebanyak RM3.3 bilion untuk tiga perkara penting iaitu pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kakitangan serta kenaikan gaji 7% hingga 13% pegawai di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Yang kedua, pembayaran pelarasan gaji kenaikan pangkat secara *time base* pegawai perkhidmatan pendidikan. Ketiga, pembayaran gaji graduan pendidikan dilantik sebagai guru interim pada tahun 2012.

Perkara pertamanya Tuan Pengerusi, pembayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi sebanyak satu bulan setengah gaji bagi kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia sektor pelajaran ialah untuk seramai 547,305 orang termasuk guru dan bukan guru telah ditampung oleh peruntukan sedia ada. Walaupun masih ada kekurangan untuk menampung sejumlah 258,587 orang iaitu sebanyak RM853 juta, pengumuman mengenai bonus khas prestasi ini diumumkan sewaktu pembentangan Bajet 2012 tetapi peruntukannya tidak termasuk di dalam pengiraan bajet untuk tahun 2013, dengan ini penambahan peruntukan diperlukan. Pada masa yang sama, untuk perkara yang seterusnya juga kerana berlaku kenaikan gaji kepada gred-gred tertentu di bawah Sistem Saraan Malaysia iaitu sebanyak 7% kepada Turus 3 ke atas, 8% JUSA A dan 9% kepada JUSA B dan C serta 13% kepada pegawai dan kakitangan sokongan gred 1-54. Kenaikan dan penyelarasan gaji tahunan ini memerlukan peruntukan tambahan yang tidak dipohon daripada Bajet 2013.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mencelah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Putatan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya sebentar, sebentar. Saya habis skrip dahulu lepas itu saya akan bagi peluang kepada Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sabar sedikit Yang Berhormat Putatan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh ya? Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya atas aspek *time based* juga pembayaran penyelarasan gaji kenaikan pangkat secara *time based* ialah seperti mana yang kita sedia maklum kerajaan bersetuju menambah baik dan memperkukuhkan lagi kaedah kenaikan pangkat PPPS dan juga PPPLD menerusi pemendekan tempoh *time based* dan berasaskan kecemerlangan. Untuk maklumat tentang status guru interim dalam maksud belanjawan ini ialah guru interim yang dilantik pada tahun 2012 adalah seramai 2,956 orang terdiri daripada graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk berkhidmat di sekolah rendah berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen yang mendesak. Daripada 2,956 orang guru interim, sejumlah 2,817 calon telah diperakui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang dilantik tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 mulai 16 Mac 2013. Manakala 1,139 calon yang gagal temu duga dan tidak diperakui oleh SPP untuk lantikan tetap. Bagi calon yang gagal temu duga, calon yang tidak diperakui oleh SPP perkhidmatan mereka sebagai guru interim ditamatkan dengan satu bulan notis penamatan. Itu butir-butir mengapa tambahan ini diperlukan. Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal kekurangan guru ini kita dengar lebih daripada 10 tahun, 20 tahun yang lalu sampai sekarang belum selesai. Setuju Yang Berhormat Kinabatangan? Soal saraan gaji naik itu, itu bukan dipersalahkan. Kita mahu tahu bahawa guru-guru mesti cukup menjelang tahun 2020 Yang Berhormat Menteri [Disampuk] Sebelum tahun 2020lah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tahun 2020 saya tidak setuju.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebelum tahun 2020. Sama juga tempat Tuan Pengerusi tidak cukup guru. Akan tetapi masalah dia kita banyak pemohon tetapi banyak juga ditolak. Seolah-olah ini kita punya minat yang orang ada kelayakan memohon sebagai seorang guru itu agak berkurangan. Saya minta penjelasan daripada Menteri kenapa banyak ditolak? Kenapa tidak *attractive* jawatan guru ini. Satu lagi Tuan Pengerusi oleh kerana soal saran ini, guru-guru yang ditugaskan di Semenanjung memalukan, malu dia cakap malu. Ini sebab kenapa? Elaun sini tidak mencukupi saraan hidup.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini berucap atau mencelah ini, Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan sebab soal elaun ini. Dia sebut elaun, gaji ini soalan gaji ini yang tidak mencukupi walaupun dimasukkan dalam bajet beberapa tahun yang lalu. Adakah pihak kementerian bersedia untuk membuatkan satu bajet yang secukup-cukupnya supaya guru-guru ini hidup dengan selesa jangan janji-janji sahaja?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekaligus?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lebih kurang sama. Terima kasih. Saya sehaluan dengan Yang Berhormat Putatan iaitu kenapa masih menjadi persoalan kekurangan guru? Lebih-lebih lagi guru bahasa Inggeris. Tidakkah kementerian melalui transformasi pelan di kementerian yang baru-baru ini menggariskan beberapa perkara. Akan tetapi akhirnya perkara itu cuma elok di kertas bunyi dia sedap tetapi semasa pelaksanaan, dia kita gagal. Jadi saya berharap dengan kehadiran Yang Berhormat di situ, *flash blood* orang kata, cuba lakukan sesuatu, perubahan, bawa perubahan di kementerian. Bahawa sudah tiba masanya kita hendak memperkasakan sekolah-sekolah kita ini maka guru-guru kena cukup. Guru-guru graduan di Sabah banyak, kalau kita kekurangan sumber ambillah daripada keluaran swasta. Kenapa apa masalah dia? Kalau tidak ada duit cari duit sebab kita sudah jadi pemerintah. Itu masa itu yang kita perlu jawapan jangan lagi masalah kewangan tidak cukup. Saya tidak tahu, sampai bila masalah ini selesai sebab itu kita tidak boleh memperkasakan sekolah kita. Ini sebab kita tidak boleh menganjak, tidak ada satu anjakan yang paradigma yang boleh dibanggakan. Jadi Yang Berhormat lakukan sesuatu, buat perubahan khususnya di Sabah dan di Sarawak.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma...

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mana satu ada dua yang bangun.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Cuma ringkas sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ayer Hitam ya.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tiga perbelanjaan yang dinyatakan dalam ini yang pertama saya nampak itu adalah kenaikan 7% hingga 13%. Itu adalah selepas pemansuhan SBPA dan diganti dengan sistem yang baru di mana itu adalah diguna pakai oleh semua pegawai kerajaan. Saya hendak dapat pengesahan adakah itu benar? Kedua,

kenaikan yang kedua ini secara pangkat *time based* dahulu tidak ada sistem 8863 atau 885 dan ianya telah dilengkapkan sebagai pengumuman di Hari Guru. Saya hendak dapat pengesahan adakah itu yang menyebabkan ada kenaikan? Ketiga pembayaran gaji graduan kepada guru interim ini sebenarnya untuk melengkapkan kekurangan guru di mana 2,000 lebih itu 1,874 adalah SJK(C) dan sebahagian kecil ialah SJK(T). Itu untuk kita melengkapkan dan akhirnya mereka telah dilantik tetap. Kalau tiga-tiga perbelanjaan ini seperti mana yang dapat disahkan, saya rasa itu memang perlu dibayar. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mendapat penjelasan daripada pihak Menteri. Mengenai Bahagian Pendidikan Islam KPM yang mana berdasarkan maklumat yang diperoleh bermula tahun 2008 Kurikulum Pendidikan Islam telah diletakkan di bawah Pengurusan Bahagian Pembangunan Kurikulum seperti mata pelajaran. Manakala pengurusan penempatan dan pertukaran guru Pendidikan Islam j-QAF telah diletakkan di bawah pengurusan bahagian sekolah harian. Pelaksanaan ini telah bermula pada tahun 2010. Ini menyebabkan isu yang berlaku di sini ialah guru-guru yang telah dilatih dan ditempatkan tidak mengikut opsyen mereka. Contohnya guru-guru Bahasa Arab telah ditempatkan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Guru-guru kelas kemahiran Al-Quran telah ditempatkan untuk mengajar Bahasa Arab. Tidakkah ada perancangan daripada pihak kementerian untuk mengembalikan semula pengurusan dan penempatan guru Pendidikan Islam serta Pengurusan Kurikulum Pendidikan Islam ini di bawah kendalian Bahagian Pendidikan Islam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat kita ada lapan termasuk kementerian ini. Kalau setengah jam lapan kali 30 sama dengan 320 minit jadi berapa jam lagi kita bersidang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Alang-alang mandi biar basah Tuan Pengerusi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan cuba selesaikan asalkan tidak ada pencelahan. Okey, baik saya akan jawab beberapa soalan yang saya dapat yang ada kena mengena sedikit yang jauh lari daripada topik saya akan hantar melalui tulisan. Saya harap Yang Berhormat dapat terima. Yang Berhormat Tuaran tentang isu beri kuasa kepada Pengetua untuk memilih pembekal semasa perolehan. Secara prinsipnya Yang Berhormat ya, penurunan kuasa telah dipraktikkan bagi projek-projek berskala kecil kepada Jabatan Pelajaran Negeri untuk memilih pembekal semasa membuat perolehan. Cadangan Yang Berhormat Tuaran akan dikaji kewajarannya dan pihak kementerian tiada halangan untuk menurunkan kuasa tersebut kepada pengetua sekiranya ia didapati dapat mempercepatkan proses perolehan dan mendatangkan kebaikan secara keseluruhan. Untuk mengenai pembezaan kadar elaun guru di Sabah dan Semenanjung.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat sebentar yang tadi itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tuaran Yang Berhormat Menteri baru mula menjawab.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar saya tidak beri laluan saya akan jawab soalan. Kalau perlu penjelasan lain tulis maklum kepada saya kemudian kita bincang nanti kita minum kopi kita bincang lagi ya. Kadar elaun guru di Sabah dan Semenanjung adalah berbeza berdasarkan *locality* dan situasi di tempat berkenaan. Seterusnya dari aspek elaun wilayah tidak adil dan tidak membela guru. Elaun yang diberi adalah berdasarkan kadar yang telah diselaraskan oleh agensi pusat adalah bertepatan dan memberi keadilan kepada semua penjawat awam. Untuk soalan daripada Yang Berhormat Kulai ada ya? Okey. Seramai 460 orang *graduate* Diploma DPLI masih tidak layak jadi guru. Setakat ini semua pelatih-pelatih telah melalui KISSM semasa mereka berada di IPG. Sekiranya mereka tidak sempat melalui mereka boleh mengikuti kursus ini di bawah kendalian JPN untuk tajaan pelantikan. Untuk maklumat Yang Berhormat guru interim juga diberi peluang untuk menghadiri kursus dalam cuti, ini untuk maklumat Yang Berhormat ya. Seterusnya Yang Berhormat Sibuti, perbezaan elaun guru di sekolah kurang murid dan lain-lain sekolah. Yang Berhormat, persamaan elaun khas tugas guru besar sama ada mengajar di sekolah kurang murid atau sekolah besar adalah RM100. Yang Berhormat Sibuti mohon elaun khas guru besar di sekolah yang besar ditingkatkan lebih dari elaun guru besar diterima oleh guru besar SKM akan kita membuat kajian. Yang Berhormat Kepong mengatakan secara...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang tidak ada dalam Dewan, bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Kepong tidak ada? Ada, ada, dia masih ada di sini. Betul...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Kepong kata ada, dia memberi fokus. Dia masih *alert*, dia kata 80-an tidak ramai tanya soalan, dulu lain sekarang lain Yang Berhormat. Ramai Ahli-ahli Parlimen bertenaga. Pembayaran gaji guru interim, aduan standard kualiti guru pastikan guru interim mencapai tahap kualiti yang baik sebelum dilantik menjadi guru. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal Standard Guru Malaysia (SGM) yang menggariskan standard kompetensi profesional kegunaan yang patut dicapai oleh guru yang berkualiti. Tiga standard utama yang ditekankan ialah amalan nilai profesional keguruan, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Justeru, Standard Guru Malaysia ditadbir secara mahir, secara *online* dan boleh diakses oleh guru pada bila-bila masa bagi mengetahui tahap kompetensi guru. Yang Berhormat Kapar, kenaikan gaji guru mestilah selaras dengan beban tugas guru yang dibebankan tugas perkeranian, saya setuju. Kenaikan gaji penjawat awam telah diselaraskan oleh kerajaan dan mengambil

kira semua aspek tanpa mengira skim, gred dan perkhidmatan awam. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, kementerian sedar dan kita juga telah merancang untuk mendapat perkhidmatan pembantu guru meringankan beban guru-guru. Kerajaan Barisan Nasional kerajaan prihatin.

Seterusnya Yang Berhormat Tebrau, adakah masih terdapat kekurangan guru di sekolah rendah? Waran perjawatan 2013, 237,762 perjawatan. Pengisian di sekolah kebangsaan 184,904, pengisian di SJK(C) 35,959, pengisian di SJK(T) 9,123. Banyak lagi maklumat di sini saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Ketereh mohon cari kaedah terbaik perkhidmatan guru yang terpisah daripada pasangan masing-masing untuk meningkatkan prestasi guru. Memang benar Yang Berhormat, kementerian mengambil perhatian yang begitu serius terhadap perkara ini malah 60% daripada guru-guru yang ditawarkan penukaran ini adalah berdasarkan kepada keperluan ini. Daripada 100%, 60% sebab utama kita beri penukaran ialah kita tidak mahu memisahkan suami isteri. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penempatan guru ke negeri-negeri yang berhampiran dengan negeri pasangan mereka berdasarkan kekosongan perjawatan dan keperluan sesuai opsyen. Yang Berhormat Tebrau juga telah mengatakan pengambilan UEC adakah diteruskan? Pengambilan dikurangkan dari 20 orang kepada sepuluh orang. Ini saya akan secara bertulis kerana tidak ada kena-mengena dengan ....

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Mohon maaf kerana saya tidak akan memberi peluang untuk pencelahan. Saya akan beri secara tulisan. Yang Berhormat Batu Gajah gaji guru interim masa depan mereka, 200 orang guru interim sekolah Tamil tidak berpeluang ke IPG. Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat ada? Okey Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil berat tentang isu-isu kebajikan guru interim. Walau bagaimanapun 200 orang guru interim Sekolah Tamil adalah guru interim tidak terlatih. Maka tidak ada keperluan untuk menawarkan kursus kepada mereka kerana tiada keperluan berdasarkan unjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Kalabakan minta mengkaji sekolah-sekolah luar bandar di Sabah yang uzur dan menimbulkan keadaan rumah guru pedalaman di Sabah kecil dan daif. Okey Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menitik beratkan keselesaan infrastruktur sekolah terutamanya bagi sekolah-sekolah yang terletak di kawasan pedalaman. Sehubungan ini Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan kajian dan penilaian kos penyelenggaraan kerja-kerja menaik taraf sekolah dan rumah-rumah guru daif dan uzur di seluruh kawasan luar bandar di Sabah termasuk di daerah Yang Berhormat. Kerja-kerja penyelenggaraan akan dimulakan sebaik saja kementerian memperoleh maklumat mengenai kos penyelenggaraan bagi kerja-kerja naik taraf sekolah dan rumah-rumah guru berkenaan. Yang Berhormat Kinabatangan juga mencadangkan agar satu jawatankuasa pemantauan ditubuhkan untuk buat laporan terperinci keadaan sekolah dan rumah guru. Cadangan Yang Berhormat akan kami beri perhatian sewajarnya. Ini komitmen daripada saya Yang Berhormat oleh pihak



kementerian. Walau bagaimanapun, pada masa ini Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah dan sedang menjalankan pemantauan secara dekat dengan turun padang terus ke tempat-tempat yang telah dikenal pasti.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kalabakan dan juga Yang Berhormat Kinabatangan, sahabat seperjuangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Mary Yap Ken Jin pun diamanahkan untuk meneliti dan melihat keadaan-keadaan secara peribadi. Beliau sendiri akan turun ke sekolah-sekolah di Sabah untuk menilai keperluan dan maklum kepada Kementerian supaya kita dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat Kinabatangan juga minta kementerian menyelesaikan secara keseluruhan keadaan sekolah-sekolah yang uzur di Sabah dan Sarawak termasuk SMK Tongod. Selain daripada tanggungjawab Yang Berhormat Datuk Mary Yap, kementerian sentiasa prihatin terhadap pembinaan sekolah-sekolah pedalaman. Bagi SMK Tongod, status pembinaan sehingga kini adalah sebanyak 94% dan dijangka dapat diselesaikan pada akhir Ogos 2013. Sama-sama kita harapkan penyelesaian ini. Terhadap soalan daripada sahabat saya Yang Berhormat Ayer Hitam, apa yang saya bantah ini merupakan satu kerja yang mana Yang Berhormat Menteri, timbalan menteri dulu telah luluskan, saya membantah saya pasti Yang Berhormat tahu kaedahnya dan apa pendapat Yang Berhormat Menteri saya setuju, saya terima dan benar. Terakhir Yang Berhormat Bachok, jawapan untuk Yang Berhormat Bachok akan saya buat secara tulisan. Okey terima kasih Tuan Pengerusi.

**UCAPAN MENGGULUNG TITAH DIRAJA OLEH  
Y.B. TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN 2 DI DEWAN NEGARA  
PADA 29 JULAI 2013**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap pembangunan sektor pendidikan negara. Pada perbahasan kali ini, seramai 22 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai perkara berkaitan pendidikan. Justeru itu, saya akan per jelas dan menjawab isu-isu yang dibangkitkan berdasarkan sebelas fokus seperti berikut:

- a) Penggabungan Kementerian Pendidikan dan pelan transformasi pendidikan;
- b) Usaha memupuk perpaduan;
- c) Kurikulum pendidikan;
- d) Pendidikan Islam di peringkat sekolah;
- e) Merapatkan jurang pendidikan;
- f) Pembangunan infrastruktur;
- g) isu pendidikan tinggi;
- h) Perjawatan guru;
- i) Salah laku murid;
- j) Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris atau MBMMBI; dan
- k) Isu-isu pendidikan lain.

Penstrukturan Kementerian Pendidikan dan Pelan Transformasi Pendidikan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah membangkitkan dan menanyakan tentang penggabungan Kementerian Pendidikan dan langkah penambahbaikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk membangunkan modal insan. Tuan Yang di-Pertua, penggabungan kedua-dua kementerian ini merupakan lambang keprihatinan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat bidang pendidikan menjadi sebagai peneraju utama dalam membangunkan modal insan negara. Secara langsung, akan membolehkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan diseragamkan secara bersepadu, berpaksikan atau satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta berlandaskan kepada akta-akta pendidikan yang berkaitan. Ini juga dapat menyelaras serta menyusun pertindihan fungsi dan peruntukan kementerian yang disalurkan oleh kerajaan kepada sektor pendidikan negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendidikan merupakan agenda utama pembangunan modal insan negara dan pastinya pelbagai intervensi perlu dilakukan untuk meletakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih baik.

Oleh itu di bawah transformasi pendidikan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, proses perubahan ini akan merangkumi seawal pendidikan prasekolah

hinggalah ke peringkat pengajian tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Usaha ini dapat menjana modal insan dan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, *proficiency* dwibahasa, kemahiran kepimpinan, memiliki identiti nasional dan etika kerohanian serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Satu penyelarasan dan penajaran semula kini sedang dilaksanakan oleh kementerian merangkumi lima perkara utama iaitu:

- a) akses;
- b) kualiti;
- c) ekuiti;
- d) perpaduan;
- e) kecekapan.

Melalui langkah ini transformasi pendidikan akan dapat di laksana dengan lebih tersusun dan mencapai matlamat negara menjadikan berpendidikan bertaraf dunia menjelang 2020. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan bagaimana dengan pertindihan tanggungjawab dan peranan di peringkat negeri JPN dan di daerah PPD. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan kajian penstrukturan keseluruhan KPM yang melibatkan penyusunan semula fungsi semua peringkat kementerian meliputi bahagian JPN dan juga PPD. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pembahagian fungsi yang jelas di antara bahagian JPN dan PPDW. Di mana setiap fungsi bahagian di KPM akan dilihat secara terperinci bagi menentukan fungsi penggubal, pemantauan dasar untuk dikekalkan di peringkat bahagian. Manakala fungsi pelaksanaan, penguatkuasaan operasi diperturunkan kepada JPN dan PPD bersekali dengan perjawatan yang terlibat selaras dengan hasrat untuk memperkukuhkan JPN dan PPD. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan penstrukturan semula bagi kenaikan pangkat bagi pegawai di PPD dari Gred 44 hingga 54 dengan merujuk kepada pengalaman pegawai guru tersebut akan saya jawab dalam jawapan ini. Selain daripada penyusunan semula Kementerian Pendidikan Malaysia kita juga perlu mengambil kira keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Terutamanya perkhidmatan awam yang kejut, *lean civil service*, dengan izin, pelaksanaan *outcome based budget*, dengan izin, penerapan elemen *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), dengan izin, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Pendekatan-pendekatan yang telah dikenal pasti ialah memastikan segala urusan penstrukturan dan pemantapan organisasi dilaksanakan tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan dan pertambahan jawatan sedia ada. Oleh yang demikian keperluan pengukuhan perjawatan di JPN dan di PPD akan dilaksanakan bersama dengan kajian penstrukturan keseluruhan KPM tersebut iaitu melalui kaedah penempatan semula *redeployment*, dengan izin jawatan-jawatan dari peringkat bahagian. Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

khususnya di bawah Anjakan 8 - mentransformasikan kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian, terdapat sub inisiatif bagi penempatan pegawai-pegawai berprestasi tinggi di JPN dan PPD. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang giat menyusun pelan tindakan dalam menyediakan barisan kepimpinan bagi menerajui JPN dan PPD.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah membangkitkan isu mengenai Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang tidak dapat dicapai. Diharap kegagalan ini tidak berulang dalam pembentukan PPPM. Untuk maklumat Yang Berhormat hampir 300 pelan tindakan bagi semua teras PIPP telah berjaya mencapai prestasi 80% sasaran yang ditetapkan. Dokumen PPPM 2013-2025 turut menilai prestasi mencapai sistem pendidikan dengan mengambil kira secara objektif pencapaian lampau termasuk pencapaian PIPP 2006-2010. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan selama lima tahun menunjukkan prestasi pencapaian 80% baik bagi setiap teras dengan pencapaian sebenar melepasi sasaran. Kejayaan pelaksanaan PIPP 2006-2010 sebagai setiap teras diukur berdasarkan *indicator* yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya prestasi pencapaian seperti mana yang dikatakan tadi mencapai kejayaan dan sasaran yang ditetapkan. Kedua usaha memupuk perpaduan. Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia menerapkan agenda perpaduan dan keharmonian kaum dalam sistem pendidikan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan usaha memupuk perpaduan dalam kalangan murid semua kaum di negara ini yang dijalankan melalui kurikulum persekolahan melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) murid berkebolehan berinteraksi dengan orang lain, menghormati perasaan serta hak orang lain dan seterusnya membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa. Kurikulum Standard Sekolah Rendah murid diajar memahami, menghayati dan mengamalkan 14 nilai murni sejagat. Nilai-nilai murni sejagat adalah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, toleransi, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama dan kesederhanaan. Antara fokus PPPM 2013-2025 adalah berkaitan dengan projek khidmat masyarakat yang diperkenalkan dengan kurikulum sekolah rendah dan menengah. Penekanan dalam Gelombang 2 (2016-2020) bagi memupuk dan mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan nilai murni dalam kalangan murid. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyatakan bahawa tiada integrasi dalam kalangan murid kerana aliran sekolah berbeza-beza. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia mengekalkan aliran sekolah sedia ada. Akan tetapi penekanan terhadap budaya integrasi nasional dalam pendidikan terus diperkukuh. Penekanan terhadap budaya integrasi ini bukan hanya tertumpu pada mata pelajaran yang diajar kepada murid sebaliknya pelbagai aktiviti lain disediakan seperti dalam kelab, persatuan dan badan beruniform, aktiviti sukan dan permainan serta program program khusus antaranya Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan ataupun dengan ringkas dipanggil RIMUP. Sekolah wawasan...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah?

**Tuan P.Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sebentar, biar saya selesaikan jawapan ini sedikit Yang Berhormat. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan P.Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sekolah Wawasan, penempatan murid ke sekolah berasrama penuh tanpa mengira negeri kelahiran termasuklah dari Sabah dan Sarawak juga menyediakan kuota kemasukan bumiputera dan bukan bumiputera seperti di matrikulasi. Langkah-langkah ini dilakukan oleh kementerian, ini sudah pasti akan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan murid di negara ini. Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ya. Memandangkan kelakuan seperti Alvin & Vivian dan ucapan dalam *website* yang kebencian antara bangsa-bangsa dalam laman web bolehlah dibacakan oleh semua orang seluruh negara. Jadi dalam ucapan kementerian memang sebutlah langkah-langkah dan sistem pendidikan kita ada mengajar pelajar supaya pemantauan dikukuhkan tetapi semakin lama perpaduan semakin teruklah. Jadi pandangan daripada kementerian manakah salah pihak yang mengakibatkan keadaan begini? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian akan sentiasa mengambil tindakan sewajarnya dalam proses memperkukuhkan sistem. Akan tetapi saya rasa bila perkara-perkara itu berlaku, ini menjadi tanggungjawab kita semua tanpa mengira agama, latar belakang, bangsa, pegangan politik. Jangan kita satukan dalam proses-proses seperti ini. Kita harus mengajar anak murid kita, kita harus mengajar ahli-ahli parti politik supaya mengamalkan sistem demokrasi yang sedia ada, menghormati pemimpin, menghormati sistem yang sedia. Saya rasa perkara ini tidak berlaku. Secara ringkas saya rasa yang paling penting ialah tanggungjawab bersama. Kita harus ada tanggungjawab kita untuk memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku dan kita tidak boleh membiarkan ia berlaku. Biarlah isu itu menjadi satu pengajaran kepada semua rakyat Malaysia supaya perkara-perkara yang tidak harus disebut dan dinyatakan, tidak perlu disebut dan dinyatakan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sensitif dan kita sama-samalah memastikan di masa akan datang, masa depan di Negara yang bertuah, di bumi yang bertuah ini tidak akan menghadapi masalah-masalah seumpamanya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya mohon...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang sekolah wawasan ini. Saya juga menyokong usaha kementerian menubuhkan sekolah wawasan yang bermatlamat utamanya untuk tujuan integrasi murid-murid dari pelbagai sekolah ditempatkan pada satu lokaliti, misalnya di USJ. Akan tetapi tinjauan daripada pihak-pihak tertentu, saya sendiri ada membuat sedikit kajian, matlamat sekolah wawasan ini belum begitu berjaya. Belum dapat dicapai sebaik yang diharapkan kerana antara sebabnya ialah sesetengah pengetua atau guru besar tidak memberikan kerjasama untuk melaksanakan program-program bersama dengan menggunakan padang yang sama dan sebagainya. Jadi, matlamat Kementerian tidak tercapai dengan adanya sikap sesetengah pengetua yang sedemikian. Soalan saya ialah bagaimana kementerian memantau pelaksanaan sekolah-sekolah wawasan ini sebelum ia diperluaskan di tempat-tempat lain yang sepatutnya sudah mantap sekarang ini. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekolah wawasan ini saya setuju. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberikan sokongan terhadap pengimplementasian sekolah wawasan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memandang berat untuk mengimplementasikan sekolah wawasan ini. Dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Bab 7, struktur sistem, kita mengkhususkan bagaimana kita hendak menambah baik sekolah wawasan ini. Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ambil pendapat Yang Berhormat dan kita akan terus proses pemantauan ini. Sekiranya benar-benar ada masalah seumpama ini yang mana ada pengetua-pengetua tidak mengizinkan atau tidak memberikan penggunaan *facilities*, dengan izin, silakan kepada kita di pejabat PPD ataupun Pejabat Pendidikan Negeri. Kita akan mengambil pendekatan untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama supaya semua anak murid dapat menggunakan kemudahan yang ada kerana itulah harapan dan konsep sekolah wawasan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit?

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Apa masalah sebenar yang sekolah wawasan tidak dilaksanakan lagi? Bagaimana langkah kementerian supaya sekolah wawasan akan menjadi kenyataan sebab ada sungutan ramai daripada rakyat negara ini yang berkehendakkan sekolah wawasan dibina dengan segera sebab sekolah ini adalah ejen perpaduan nasional. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Yang Berhormat terima kasih. Kita akan terus mewujudkan maklumat, kita akan meningkatkan lagi maklumat terperinci, kesedaran bagaimana sekolah wawasan ini dapat mengatasi pelbagai masalah. Saya

kagum dengan keprihatinan Yang Berhormat, memang hendak melihat kejayaan sekolah wawasan ini, terima kasih. Saya rasa ramai Ahli Yang Berhormat di sini juga ingin melihat kejayaan sekolah wawasan. Kita juga harus mengambil kira lokasi-lokasi sekolah yang berdekatan kerana ia juga akan menelan kos yang besar untuk mewujudkan satu sekolah dengan pelbagai kemudahan dan sebagainya. Sekolah-sekolah yang sedia ada kita boleh dekatkan. Banyak isu-isunya tetapi kita komited. Oleh kerana itulah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan kita telah spesifik dalam struktur, Bab 7, spesifik bagaimana kita hendak meneruskan kejayaan sekolah wawasan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Minta celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang berminat untuk mencelah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak sentuh sedikit tentang isu perpaduan antara kaum. Ini kerana saya rasa perpaduan ini, *attraction among* kaum ini memang sepatutnya lebih baik bermula daripada Darjah 1 ataupun di sekolah. Ini memang penting sekali tapi saya dapati sekarang ada banyak sekolah di mana nisbah kaum itu berlainan betul dari segi demografi rakyat. Seperti saya baca di akhbar Sekolah Pristina 1,300 murid-murid, hanya lebih kurang 30 atau 40 orang yang bukan orang Melayu. Jadi, kenapa kita dapati sekolah yang begitu berlainan daripada nisbah demografi. Kalau sekolah itu terlalu eksentrik satu kaum ini, bagaimana kita hendak mencapai perpaduan antara kaum dari segi permulaan di sekolah-sekolah. Jadi, saya hendak tahu sama ada kementerian sedang mengkaji tentang bagaimana perkara ini terjadi dan apakah langkah-langkah seperti buat *balance*, semua kaum ada di sekolah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian tidak boleh memaksa ibu bapa menghantar anak mereka ke satu sekolah yang spesifik. Mungkin di sekolah itu ada sekolah Tamil dan sekolah jenis kebangsaan Cina yang berdekatan. Itu hak ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka di sekolah tersebut. Pilihan untuk memilih sekolah ini terpulang kepada ibu bapa. Kalau ibu bapa ingin menghantar anaknya ke sekolah kebangsaan, kita tidak ada halangan. Sama juga kepada sekolah SJK(C) ataupun SJK(T) kerana ini proses pembelajaran yang sedia ada. Akan tetapi kita akan terus memantau sekiranya ada cara-cara untuk kita melaksanakan input yang baru kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya akan teruskan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tambah sedikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh saya sambung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sedikit, sedikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Banyak kerana banyak saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Kemudian, kemudianlah. Nanti saya bagi peluang. Banyak lagi ini, ada 54 muka surat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Mungkin selepas habis menjawab nanti Yang Berhormat boleh mencelah. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Ada 54 muka surat Yang Berhormat. Saya akan bagi peluang untuk mencelah, *no problem*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Seterusnya, Yang Berhormat Sentor Dr. Syed Husin Ali terus memberi cadangan supaya *syllabus* yang sedia ada perlu diperbaiki dengan memasukkan mata pelajaran kebudayaan bagi menggalakkan pelajar mengenal budaya kaum yang lain. Unsur kebudayaan bagi menggalakkan murid mengenal budaya antara kaum diajar melalui Pendidikan Muzik. KSSR Tahun 1, memperkenalkan lagu Cina untuk semua sekolah termasuk SK dan SJK(T). KSSR tahun dua, memperkenalkan lagu Tamil di semua sekolah termasuk SK dan SJK(C). KSSR Tahun 3, semua murid mempelajari lagu perayaan seperti lagu perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali. Murid juga mempelajari apresiasi muzik. Murid diperkenalkan dengan lagu etnik dari Sabah dan Sarawak. Murid juga mempelajari asal usul muzik tradisional yang berdaftar di Malaysia serta pengaruh budaya yang terdapat di dalamnya, perkaitan Melaka sebagai pelabuhan terkenal di kurun ke-14, contohnya. Ghazal dari Johor, pengaruh budaya adalah biola barat, gambus daripada Arab, tabla dari India dan harmonium juga dari India, dondang sayang, Melaka, pengaruh budaya adalah gendang Melayu, biola Barat, gong Cina, akordion Barat, penyanyi Baba. Semua ini diperkenalkan. Dalam Pendidikan Moral, untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Moral lebih berkesan dan membawa perubahan moral khususnya, mengenali pelbagai kaum.

Selain daripada menekankan aspek nilai, beberapa pendekatan telah dilaksanakan dalam *syllabus* Pendidikan Moral antaranya kandungan di dalam mata pelajaran Pendidikan Moral terdiri daripada pelbagai isu termasuk isu kepelbagaian budaya mengikut kaum yang dinyatakan secara eksplisit dan dibincangkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Isu ini dinyatakan secara berulang kali di peringkat sekolah rendah dan menengah. Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, guru digalakkan untuk menggunakan isu yang menggalakkan murid mengenali budaya kaum lain. Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, murid mesti mengamalkan nilai-nilai yang dipelajari ketika mengendalikan aktiviti simulasi yang



berkaitan dengan amalan budaya kaum lain. Melalui pendekatan-pendekatan ini, elemen kebudayaan masyarakat Malaysia dapat dipupuk dan diamalkan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun bin Haji Mat Amin mencadangkan supaya Rukun Negara perlu diterapkan di institusi pendidikan serta dicadangkan juga Rukun Negara dibaca pada setiap minggu di sekolah. Saya telah menjawab soalan ini secara lisan minggu lalu. Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat Rukun Negara yang diterapkan adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warga negara Malaysia dan warga dunia. Di peringkat sekolah rendah, Rukun Negara di bincang dalam mata Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR Tahun 4 yang sedang dilaksanakan kini di bawah tema "Malaysia "negaraku". Di peringkat sekolah menengah komponen ini juga ditekankan dalam mata pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 5 di bawah tajuk Pembangunan dan Perpaduan Untuk Kesejahteraan. Melalui pengetahuan dan penghayatan Rukun Negara, murid diberi penjelasan tentang dasar pengenalan Rukun Negara dan peranannya dalam pembangunan sosial dan perpaduan negara. Isu ketiga, kurikulum pendidikan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop bertanyakan langkah dan kaedah KPM bagi memastikan mata pelajaran Matematik dan Sains meningkat dari segi kualiti pencapaian murid standing dengan negara maju. Kemosototan pencapaian murid berkait rapat dengan keupayaan mereka menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani isu kualiti murid adalah dari segi pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberi fokus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Langkah yang dilaksanakan untuk memahami KBAT seperti taklimat kepada semua guru Sains dan Matematik. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah dijalankan di 39 pusat dan melibatkan 4,813 guru sains dan matematik termasuk pegawai JPN dan PPD. Peserta juga diberi pendedahan mengenai status pencapaian Malaysia dalam TIMSS dan PISA soalan KBAT. Selain daripada taklimat kepada semua guru sains dan matematik, Kementerian juga mengadakan sesi seperti penaksiran kompetensi dan literasi (PKL), taklimat-taklimat kepada pengetua, kursus peningkatan profesionalisme guru, Pembangunan Bahan Sumber KBAT, bimbingan dan pemantauan, merupakan di antara aspek-aspek yang telah kita ambil guna dan akan selaraskan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mencadangkan supaya murid diberi peluang untuk belajar bahasa yang lain seperti bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Benar. Untuk maklumat Yang Berhormat, di semua peringkat persekolahan diberi peluang untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran teras dan bahasa Cina dan bahasa Tamil mata pelajaran elektif dan juga bahasa antarabangsa seperti bahasa Arab, Perancis, Jerman, Jepun dan sebagainya. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal mohon kaji semula Pendidikan Moral di sekolah Tamil. Untuk makluman Yang Berhormat, kurikulum pendidikan moral yang sedia ada iaitu di bawah KBSR telah dikaji dan dibuat beberapa perubahan mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan mulai tahun 2011. Antara perubahannya

adalah menyusun dan memperincikan nilai utama yang diterapkan kepada murid sekolah rendah termasuk murid sekolah Tamil. Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Rendah digubal mengikut tema. Ia mengandungi enam tema yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai-nilai universal. Penggubalan tema ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya. Seperti contoh tema-tema tersebut adalah seperti berikut:

- a) Tahun 1 - temanya “Diri Saya”;
- b) Tahun 2 - “Saya dan Keluarga”;
- c) Tahun 3 - “Saya dan Sekolah”;
- d) Tahun 4 - “Saya dan Jiran”;
- e) Tahun 5 - “Saya dan Masyarakat”; dan
- f) Tahun 6 - “Saya dan Negara”.

Bagi membolehkan nilai-nilai universal dipupuk secara berterusan dalam diri murid, nilai yang sama di ajar setiap tahun iaitu daripada Tahun 1 hingga Tahun 6. Walaupun nilai itu diulang, tema dan standard kandungan kurikulum adalah berbeza selaras dengan tahap perkembangan dan kematangan murid-murid sekolah tersebut. Yang Berhormat Senator Puah Hajah Mariany binti Mohammad Yit bertanya perlukah guru yang sama mengejar murid dari Tahun 1 hingga Tahun 6 untuk memastikan PBS berjalan dengan lancar untuk kesinambungan PDP serta mengekalkan kecemerlangan guru dan murid? Secara spontan ataupun secara dasarnya tidak perlu. Semua guru adalah guru yang terlatih yang telah menerima latihan mengendalikan pelaksanaan PBS. Laporan melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) mempunyai maklumat dan data perkembangan murid serta pencapaian murid. Mana-mana guru yang mengajar murid boleh mengesan dan memantau perkembangan murid yang diajar. Yang keempat ya, kita pergi ke topik yang keempat, mengenai Pendidikan Islam.

Yang Berhormat Senator Hajah Rohani binti Abdullah bertanyakan bilangan guru j-QAF di sekolah di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini bilangan guru j-QAF di seluruh negara adalah seramai 21,971 orang. Daripada jumlah tersebut, 16,575 orang telah dilantik, 2,350 orang dalam lantikan dan 3,046 guru akan dilantik secara interim. Apakah langkah-langkah memperkasakan j-QAF? Yang Berhormat Senator, bagi memperkasakan program j-QAF, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- a) Taklimat program j-QAF secara menyeluruh kepada pelaksana program tersebut sehingga ke peringkat akar umbi yang melibatkan JPN, PPD, pentadbir sekolah dan guru Pendidikan Islam;
- b) Pemantauan ke atas pelaksanaan j-QAF di JPN, PPD dan sekolah;
- c) Penambahbaikan modul PDF j-QAF;
- d) Latihan dan kursus dan semasa ke semasa kepada guru j-QAF dan semua guru Pendidikan Islam. Ia juga akan membuat laporan pencapaian prestasi murid i-QAF sebanyak dua kali setahun bagi mengesan pencapaian dan keberkesanan program j-QAF; dan

- e) Melaksanakan kajian keberkesanan program j-QAF termasuklah secara kerjasama dengan IPTA dan agensi luar yang berkaitan dan juga mengadakan seminar dan perbincangan tentang isu-isu pelaksanaan program j-QAF bagi memantapkan pelaksanaan program j-QAF.

Cadangan murid sekolah rendah yang beragama Islam diwajibkan membaca surah-surah lazim setiap pagi sebelum memulakan kelas. Untuk maklumat Yang Berhormat, aktiviti membaca surah lazim telah pun diamalkan di sekolah-sekolah tertentu mengikut kesesuaian sekolah masing-masing. Sama ada program j-QAF akan diteruskan di peringkat menengah? Buat masa ini belum lagi. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia menumpukan usaha menyelesaikan isu-isu pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah terlebih dahulu seperti isu kefahaman terhadap pelaksanaan program j-QAF, perjawatan guru, model dan modul dan sebagainya, sebelum meneliti kesesuaian di peringkat menengah. Soalan, sejauh manakah kebenaran terdapat sekolah aliran Syiah di negara kita? Untuk maklumat Yang Berhormat, dakwaan tersebut adalah tidak benar kerana dalam sistem pendidikan kebangsaan, kementerian tidak mewujudkan sekolah Syiah ataupun aliran Syiah. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed menanyakan terdapat kajian yang dilaksanakan di beberapa...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh saya mencelah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sebentar. Boleh saya jawab..., okey. Dipersilakan Yang Berhormat sebelum saya jawab soalan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa, memang saya yakin memang kerajaan tidak menubuhkan sekolah Syiah di Malaysia. Itu bertentangan dengan konsep yang telah diterima oleh kita, Malaysia sebagai negara Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi apa yang disuarakan ialah ada sekolah-sekolah yang ditubuhkan secara sendiri atau *private school* yang telah ditubuhkan oleh mereka termasuk juga Maahad Tahfizul Quran. Jadi saya ingin tahu, adakah perkara ini ada dalam pemantauan pihak kementerian? Kalau ada, saya ingin tahu apa tindakan yang telah diambil.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, seperti mana yang telah saya jawab tadi, sekolahnya tidak ada, alirannya tidak ada. Sekiranya ada, proses pemantauan ini akan dilakukan oleh JAKIM dan kita di kementerian akan memberi kerjasama untuk JAKIM untuk melaksanakan apa yang perlu dilaksanakan tetapi sekiranya ada isu-isu ini, saya cadangkan kepada Yang Berhormat untuk beri maklumat secara terperinci kepada JAKIM supaya mereka dapat membuat pemantauan ini secara terperinci. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sambung, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed menyatakan terdapat kajian yang dilaksanakan di beberapa buah sekolah menunjukkan 38% pelajar sangat lemah penguasaan solat dan buta al-Quran. Apakah usaha kementerian

mengatasi masalah tersebut? Saya difahamkan kajian ini dilakukan di Terengganu oleh pihak luar. Kementerian Pendidikan Malaysia setuju ada kelemahan tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan program j-QAF bertujuan untuk memastikan murid sekolah rendah khatam al-Quran, menguasai bacaan dan tulisan jawi, menguasai asas bahasa Arab dan mampu menunaikan solat dengan sempurna. Laporan pencapaian program tersebut mendapati penguasaan murid dalam semua kemahiran j-QAF sangat baik termasuk aktiviti amali solat dan pembacaan al-Quran. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2005 sehingga sekarang. Kementerian Pendidikan Malaysia amat berharap dan menghargai peranan masyarakat dan ibu bapa dalam menjayakan program ini. Cadangan supaya subjek Pendidikan Islam dijadikan subjek wajib lulus di dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Walaupun mata pelajaran Pendidikan Islam tidak dijadikan mata pelajaran wajib lulus dalam mana-mana peperiksaan awam di negara ini, namun mata pelajaran tersebut adalah mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh murid Islam sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Untuk memastikan pemilihan guru Pendidikan Islam dalam kalangan yang benar-benar menguasai hal Ehwal pendidikan Islam, Yang Berhormat, dalam pemilihan guru Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia amat teliti khususnya berkaitan kelayakan calon guru Pendidikan Islam seperti dalam seksyen 51, Akta Pendidikan 1996.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanyakan jumlah sekolah yang menawarkan aliran agama. Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan 57 sekolah menengah kebangsaan agama dan 2,390 kelas aliran agama dengan jumlah murid seramai 62,590 orang di sekolah menengah harian. Pada masa kini, terdapat 198 buah sekolah agama bantuan kerajaan. Selain daripada itu, terdapat juga sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat dan sekolah agama swasta yang bukan bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Apakah perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan SABK pilihan utama? Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa membuka peluang kepada sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri untuk mendaftar sebagai SABK. Langkah-langkah promosi dilakukan secara berterusan untuk memberi keyakinan kepada sekolah-sekolah berkenaan mendaftar sebagai SABK. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjaya mendaftarkan sebanyak 198 buah SABK. Soalan apakah perancangan KPM agar sekolah agama di luar KPM mendapat perhatian dan bantuan daripada kerajaan. Kementerian Pendidikan Malaysia amat menyedari sekolah agama di luar KPM ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia masih memerlukan bantuan. Justeru, dengan jumlah peruntukan sedia ada, bantuan ihsan boleh dipertimbangkan berdasarkan *case-by-case*, dengan izin, berdasarkan kepada permohonan daripada sekolah agama yang benar-benar memerlukannya. Bagi membolehkan sekolah agama mendapat bantuan yang lebih baik seperti mana yang dinikmati oleh sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang lain, Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan sekolah agama terutamanya sekolah agama rakyat agar mendaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Dengan berbuat demikian, sekolah agama yang menikmati bantuan pembangunan dan pembaikan kecil, utiliti, kebersihan kawasan, kawalan keselamatan, makanan asrama bermasak, guru yang berkelayakan

dan mencukupi, bantuan geran per kapita, mata pelajaran bagi pelaksanaan aktiviti pengukuhan, bantuan buku teks, penilaian yang bersistematik dan sebagainya. Yang Berhormat meminta mengkaji semula sukatan Pendidikan Islam agar dimasukkan juga unsur yang boleh menjadikan perpaduan dan rasa cintakan kaum. Sukatan Pendidikan Islam telah memasukkan unsur yang boleh mewujudkan perpaduan dan rasa cinta kaum. Antara tajuk yang berkaitan dengan perkara tersebut ialah, ada lima perkara:

- a) Memahami surah berkaitan hubungan antara kaum;
- b) Pemaaf;
- c) Kasih sayang;
- d) Adab berkomunikasi; dan,
- e) Adab kejiranan.

Saya terus ke topik lima iaitu Merapatkan Jurang Pendidikan. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bertanyakan usaha kementerian dalam merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan di luar Bandar daripada segi infrastruktur serta kemenjadian murid. Untuk maklumat Yang Berhormat-Yang Berhormat, usaha bagi merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar Bandar adalah satu langkah berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan murid-murid dan guru-guru di kawasan luar bandar mendapat kemudahan pendidikan dan kebajikan yang sama dengan murid-murid dan guru-guru di kawasan bandar. Merapatkan jurang pendidikan telah menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang mana Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan fokus dalam menyediakan kemudahan asas infrastruktur serta kemudahan bekalan air bersih, bekalan elektrik 24 jam...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya celah sedikit?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sebentar, sebentar Dato'. Bekalan elektrik 24 jam, kemudahan asrama dan rumah guru. Manakala dalam tempoh RMKe-10 (2011-2015), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan fokus bagi memantapkan infrastruktur fizikal institusi pendidikan dan meningkatkan kemudahan fizikal serta kemudahan asas yang melibatkan keperluan bilik darjah dan juga kemudahan rumah guru terutama di kawasan luar bandar di seluruh negara terutama di Sabah dan Sarawak. Dalam menyediakan kemudahan asas serta keperluan mendesak bilik darjah, rumah guru dan asrama di kawasan luar bandar, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pembinaan berkonsepkan kabin bagi mengurangkan jurang digital di antara pelajar bandar dan luar bandar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah membina pusat akses dan projek makmal komputer bagi meningkatkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran PDP manakala bagi menyediakan jalan raya, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensinya berkaitan khususnya pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. Dalam usaha merapatkan jurang pendidikan antara murid pula, sebanyak 70% tempat di sekolah berasrama penuh diperuntukkan kepada murid luar bandar, pedalaman dan murid miskin. Pencelahan tadi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya mengalu-alukanlah usaha Kementerian melaksanakan PIPP sebelum pelan yang ada sekarang. Dalam ucapan saya, saya meminta supaya kita secara jujur mengakui PIPP itu banyak yang gagal. Bukan gagallah, gagal terlalu keras barangkali. Banyak sasaran PIPP yang tidak tercapai dan kita tidak menyalahkan satu pihak dalam hal ini. Sebaliknya saya hanya meminta supaya kementerian dengan ikhlas belajar daripada 'kekurangcapaian' PIPP itu untuk memastikan supaya pelan baru ini mencapai prestasi yang jauh lebih tinggi daripada PIPP itu. Poin utama saya Yang Berhormat ialah supaya dibentuk satu kaedah pemantauan yang berkesan. Jangan hanya menggunakan statistik yang kadang-kadang boleh mengelirukan. Berulang-ulang Yang Berhormat menyebut telah membuat ini, telah membuat itu tetapi apa kesan daripada pembuatan itu? Itu yang saya rasa perlu diberi perhatian dengan ikhlas. Seperti yang saya katakan bahawa pelan baru ini dibuat sebenarnya adalah lanjutan daripada pengakuan secara ikhlas tentang PIPP itu masih banyak yang perlu dicapai. Jadi harapan saya supaya PIPP yang lama tahun 2006 hingga tahun 2010 itu dikaji balik di mana silap salahnya. Umpamanya saja saya terlibat dalam teras pertama pembangunan pembinaan negara bangsa. Saya terus saja saya antara orang yang tidak popular dalam usaha-usaha memantau pelaksanaan teras pertama pembangunan Negara bangsa itu. Sekali lagi yang penting ialah pemantauan yang lebih sistematik, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya tadi Yang Berhormat, awal-awal saya sudah jawab soalan Yang Berhormat tapi masa itu Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. *In fact*, dengan izin, topik pertama saya penggabungan Kementerian Pendidikan dan Pelan Transformasi Pendidikan menyentuh semua aspek yang telah Yang Berhormat timbulkan dan saya telah menjawab secara terperinci...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh? Saya telah minta izin Tuan Yang di-Pertua tadi kerana ada *doctor appointment*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Bukan, saya tidak menyalahkan sesiapa, memang itu penting kerana kesihatan Yang Berhormat sangat penting untuk Dewan ini juga. So saya hanya untuk memberi penjelasan dan sudah jawab tapi saya boleh kemukakan apabila *Hansard* itu keluar, mungkin Yang Berhormat boleh baca tapi kita ambil kira pencapaian itu dan dalam laporan atau pun dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini kita ambil kira semua pengalaman, enam struktur teras yang telah diamalkan di PIPP. Semua itu kita ambil kira dan kita akan buat yang terbaik untuk masa depan anak murid negara kita. Terima kasih Yang Berhormat. Dengan izin saya akan teruskan sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mengatakan bahawa tahap penguasaan Matematik dan Sains menurun di sekolah kebangsaan berbanding di

sekolah aliran Cina yang pencapaiannya lebih tinggi. Secara keseluruhan memang diakui pencapaian Matematik dan Sains di sekolah aliran Cina agak lebih baik berbanding sekolah kebangsaan. Namun, usaha telah dan sedang dilakukan bagi memperkasakan sekolah kebangsaan termasuklah penekanan terhadap pencapaian murid dalam Matematik dan Sains terutama bagi sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang kebanyakannya adalah sekolah kebangsaan. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengiktiraf sekolah berprestasi tinggi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah sebelah sini.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Dipersilakan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya ada menyentuh tentang cadangan supaya suatu jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji kaedah-kaedah mengajar dan belajar Sains dan Matematik bukan sahaja di sekolah Cina dalam negara tetapi juga di luar negara yang baik-baik seperti Korea, Singapura dan sebagainya. Apakah pandangan kementerian dalam hal itu, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan-cadangan yang akan dapat menambah baik sistem pengajaran akan sentiasa kita terima, kita akan melihat cadangan tersebut, apa juga cadangan yang dapat menambah baik mutu pendidikan Malaysia, kita terbuka. Akan tetapi kita harus memastikan bahawa apa-apa perancangan dilaksanakan itu menepati keperluan anak murid kita. Ini yang sangat penting. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sambung balik. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul, pengiktirafan sekolah yang berprestasi tinggi terutama kepada sekolah yang berjaya dalam akademik dan kokurikulum serta sekolah di kawasan pedalaman. Yang Berhormat Senator, bagi meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia memang mengiktiraf sekolah cemerlang melalui dua kategori pengiktirafan iaitu Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Sehingga Julai 2013, terdapat 203 Sekolah Kluster Kecemerlangan dan 91 Sekolah Berprestasi Tinggi termasuk SBT di luar bandar dan pedalaman.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul juga membangkitkan capaian *internet* spesifik sebagai 1BestariNet perlu diberi keutamaan di sekolah luar bandar. Capaian *internet* berperanan memudahkan urusan seperti e-Hadir, e-Pangkat, HRMIS. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebelum 1BestariNet diadakan, capaian *internet* adalah pada kadar 1mbps pada 256kbs sahaja. Projek 1BestariNet adalah merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam pencapaian penciptaan kandungan pendidikan. Kemudahan jalur lebar yang disediakan di sekolah ini adalah berasaskan kepada teknologi 4G dengan kelajuan minima 4mbps sehingga kelajuan maksima sebanyak 10mbps. Kemudahan capaian 1BestariNet tidak hanya

terhad di makmal komputer sahaja tetapi meliputi seluruh kawasan sekolah sama ada menggunakan sambung infrastruktur LAN sedia ada atau kaedah lain yang merangkumi bilik darjah, pejabat pentadbiran, bilik guru, makmal komputer, pusat sumber dan pusat akses sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, pemasangan 1BestariNet telah dilaksanakan tanpa mengambil kira sama ada sekolah tersebut berada di kawasan bandar dan luar bandar. Data pemasangan sehingga 31 Mei 2013 menunjukkan sejumlah 4,897 sekolah luar bandar dan 2,676 sekolah bandar telah dibuat pemasangan 1BestariNet. Ini terkini yang 4,897 dan 2,676 sehingga 24 Julai 2013, terkini maklumat ini. Pelaksanaan ini memberi akses yang sama rata kepada semua sekolah yang apabila mereka menggunakan teknologi yang sama dan akses kepada platform pembelajaran yang sama. Murid tanpa mengira sama ada mereka berada dalam kawasan bandar ataupun luar bandar akan terus beroleh akses yang sama kepada bahan pembelajaran yang berkualiti serta peluang untuk menjalankan kolaborasi serta perkongsian menerusi platform pembelajaran aplikasi *virtual learning environment* dengan izin. 1BestariNet berasaskan pengkomputeran awan dengan izin, *cloud computing*. Ini sudah pasti akan mengurangkan jurang pencapaian serta jurang digital antara pelajar bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit membangkitkan menanyakan apakah status *SchoolNet* sekarang. Adakah pertindihan fungsi di antara 1BestariNet dan *SchoolNet*? Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan capaian *internet* di semua sekolah di seluruh negara. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang memperluaskan perkhidmatan capaian *internet* melalui projek 1BestariNet secara berperingkat-peringkat bagi menggantikan *SchoolNet* di semua sekolah. *SchoolNet* telah dihentikan sejak Disember 2010. Walau bagaimanapun, semasa proses interim, sekolah telah dirangkaikan dengan interim *School Broadband*. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebanyak 7,573 sekolah telah dirangkaikan dengan rangkaian 1BestariNet sehingga kini dan selebihnya masih dirangkaikan dengan *School Broadband*. Untuk soalan Yang Berhormat, berapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mendapat manfaat daripada program 1BestariNet? Jawapannya semua 294 sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipasang dengan infrastruktur 1BestariNet dengan kelajuan capai *internet* 4mbps hingga 10mbps. Topik keenam, pembangunan infrastruktur. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh memohon Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil berat dengan infrastruktur di sekolah Tamil. Perlu ada *implementation timeline*, dengan izin supaya sekolah Tamil sama taraf dengan sekolah-sekolah lain dalam tempoh lima tahun akan datang. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memastikan pendidikan bagi masyarakat India khususnya di SJK(T) tidak diabaikan. Dalam peningkatan pembelajaran dan pengajaran (P&P) di Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak RM153.69 juta telah diperuntukkan bagi membina dan menaiktarafkan sebanyak 514 SJK(T) di seluruh negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan projek penyelenggaraan di bawah program Pakej Rangsangan Khas 2012 di seluruh negara di bawah skop penyelenggaraan bangunan dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM100 juta. Program Pakej Rangsangan Khas diteruskan dengan menyediakan RM100 juta lagi untuk tahun 2013.



Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyalurkan peruntukan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil setiap tahun. Pada tahun 2008 sejumlah RM552.85 juta telah diperuntukkan. Pada tahun 2009 pula sebanyak RM615.13 juta diperuntukkan. Pada tahun 2010 pula sebanyak RM456.72 juta telah diperuntukkan dan peruntukan tersebut bagi tahun 2011 dan 2012 terus meningkat kepada RM584.38 juta dan RM642.82 juta masing-masing. Di samping itu, manifesto “Kerajaan Prihatin”, Kerajaan Barisan Nasional semasa PRU ke-13 salah satu tumpuan khas kepada pembangunan SJK(T) ialah menukar status sekolah jenis kebangsaan Tamil kepada sekolah penuh bantuan kerajaan jika sekolah berkenaan ingin berbuat demikian.

Yang Berhormat Senator juga merayu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar GLC menyelesaikan masalah sekolah Tamil dan menukar status sekolah Tamil yang terletak di atas tanah milik GLC supaya layak menjadi sekolah bantuan penuh. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia tiada halangan sama sekali bagi mana-mana SJK(T) yang ingin bertukar status daripada sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, asalkan memohon untuk pertukaran tersebut dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai sekolah kerajaan. Permohonan bertukar status sekolah diubah boleh dibuat. Saya minta izin untuk mengulangnya. Permohonan bertukar status sekolah boleh dibuat oleh lembaga pengelola sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru selepas mendapat persetujuan daripada semua pihak yang berkepentingan ke atas sekolah yang berkenaan. Bagi sekolah yang berada di atas tanah milik GLC atau syarikat perladangan, maka pihak pemohon iaitu sekolah perlu mengemukakan permohonan untuk menjadikan tanah berkenaan milik Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu, sebelum membuat permohonan pertukaran status kepada sekolah kerajaan. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa terbuka untuk perbincangan dengan pihak syarikat ataupun GLC supaya menyerahkan tapak tanah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pembangunan sekolah SJK(T). Untuk soalan berapa banyakkah sekolah Tamil yang belum ada prasekolah dan apakah perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pelaksanaan prasekolah di sekolah Tamil? Daripada 523 SJK(T) sedia ada sebanyak 175 SJK(T) mempunyai prasekolah dengan 221 kelas. Jumlah tersebut telah memberi peluang kepada 4,739 murid prasekolah di SJK(T). Untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed, sediakan kemudahan solat yang lengkap di setiap sekolah seperti surau dan bilik sembahyang. Kementerian sentiasa mengambil berat terhadap masalah kemudahan infrastruktur sekolah yang dipantau menerusi saluran JPN, PPD dan aduan yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2012 kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pelaksanaan projek-projek pembinaan surau di sekolah-sekolah yang mendapat telah kelulusan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya topik ketujuh isu pendidikan tinggi.

**Dato’ Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta mencelah.

**Puan Hajah Mariyam binti Mohammad Yit:** Saya pun minta mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dua orang yang hendak mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Topik yang baru atau topik yang awal?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Topik yang dibincangkan tadi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya rasa soalan saya tadi mengenai pra sekolah yang belum dilaksanakan itu, apakah *target* kementerian untuk pelaksanaan sekolah ini tidak dijawab. Lagi satu ialah pandangan saya mengenai bajet tambahan untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah Tamil sebanyak RM100 juta ini memang baik, akan tetapi ia akan memakan masa yang lama, 10 hingga 15 tahun, supaya kesemua sekolah-sekolah ini mempunyai taraf yang sama. Ini kerana akses di dalam Pelan Transformasi Pendidikan yang baru ini akses yang sama untuk semua sekolah diberi keutamaan. Jadi saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju tidak jika kita tidak mempercepatkan dengan cara yang lain, sekolah Tamil ini akan mengambil masa yang lama, tidak boleh dalam masa dua, tiga atau lima tahun untuk disamatarafkan. Setuju tidak, kalau tidak macam mana cadangan hendak mempercepatkan taraf sekolah-sekolah Tamil ini sama taraf dengan sekolah-sekolah kebangsaan dalam tempoh masa yang singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mengenai keselamatan, kesihatan dan infrastruktur sekolah-sekolah iaitu keselamatan anak-anak murid kita di makmal-makmal sekolah. Di mana tiga sekolah tersebut makmalnya meletup dalam tahun 2013 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Untuk jawapan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, kementerian memang bercadang untuk mempercepatkannya. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama rapat dengan pucuk pimpinan MIC, Presiden dan Timbalan Presiden telah mengemukakan cadangan-cadangan bagaimana kita dapat mempercepatkannya. Kita amat prihatin di atas keperluan SJK(T) dan jangan kluatir kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan proses untuk menambahbaikkan ataupun menambahkan lagi akses dan status sekolah Tamil. Itu memang tidak lari daripada hasrat murni Kerajaan Barisan Nasional. Kita akan sentiasa menggunakan dengan izin, *rolling plan* untuk memastikan penambahbaikan ini diteruskan. Dalam aspek soalan Yang Berhormat tentang prasekolah. Kita ada mempunyai satu *target* dan *target* tersebut sebelum akhir tahun ini dan kita di dalam proses untuk mencapai *target* tersebut. Kita sedang menggalakkan dan memberi bantuan yang sewajarnya kepada sekolah-sekolah, menggalakkan malah memberi galakan kepada sekolah-sekolah untuk mewujudkan prasekolah ini. Respons

daripada sekolah-sekolah ini amat baik. Kita menerima baik dan kita di kementerian akan sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan-keperluan tersebut dari semasa ke semasa. Jangan kkuatir Kerajaan Barisan Nasional sebuah kerajaan prihatin dan akan memberikan pembangunan kepada semua sekolah di negara ini tanpa mengira agama, bangsa dan juga latar belakang. Yang Berhormat Senator meminta tentang makmal yang meletup? Saya sudah minta pegawai saya untuk memberikan penjelasan terperinci kerana itu subjek spesifik, tidak ditanya di dalam soalan semasa hujah dasar tadi. Ada tanya?

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya mohon maaf, saya akan...

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Dalam ucapan saya, saya ada menyebutkannya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan suruh – mungkin ada nanti jawapannya, tetapi kalau tidak ada nanti saya akan uruskan untuk memberikan jawapan secara bertulis. Saya mohon maaf ya. Saya balik kepada jawapan-jawapan. Isu pendidikan tinggi, topik ketujuh. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat membangkitkan isu Malaysia menjadi tumpuan pelajar antarabangsa termasuk daripada Iran. Adakah kedatangan mereka dikenal pasti tidak menyebarkan ajaran Syiah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan waktu kita sekarang sudah tepat pukul 1 tengah hari, maka saya tangguhkan Dewan dan kita akan bersambung semula pada jam 2.30 petang nanti. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung lagi. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Speaker.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula jawapan daripada kementerian. Dalam rekod ini nampaknya Kementerian Pendidikan sedang memberi jawapan. Saya berharap Yang Berhormat, kalau boleh cuba teruskan apa Yang Berhormat catatkan tetapi cuba *brief* kerana kita ada 23 kementerian hendak jawab. Kita hanya ada hari ini dan esok sahaja. Bagi semua Ahli Yang Berhormat, proaktif dan tentukan apa Yang Berhormat bangkitkan tempoh hari, tentukan ada dijawab. Kalau tidak, bangun untuk menarik perhatian. Sekian. Sekarang saya mulakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pendidikan. Teruskan.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Minta maaf. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab ke satu bab yang lain, saya cuma hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa ada satu soalan saya yang belum dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, beliau sedang ada dengan kita. Nanti kalau ada apa...

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya, ya. Beliau sudah hendak pergi ke tajuk yang lain Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan itu Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya rasa dalam Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris atau MBMMBI bagi menggantikan PPSMI, saya ada tanyakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak dasar ini dilaksanakan? Terutama dalam memastikan Bahasa Kebangsaan dapat dimartabatkan di samping dapat memastikan pelajar terus dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik, yang selaras hasrat di bawah anjakan kedua dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Saya ada tanya soalan, adakah KPM juga tidak berhasrat untuk mengembalikan penggunaan istilah bahasa Melayu menggantikan bahasa Malaysia seperti yang termaktub di dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertuakerana memberi izin saya menyambung ucapan ataupun jawapan-jawapan saya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, sebenarnya seperti mana yang telah saya beri dalam mukadimah saya tadi, ada 11 topik. Saya baru topik yang keenam. Saya akan pergi topik ketujuh. Topik Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) topik nombor 10. Sabar ya. Kalau tidak terjawab nanti *then* Yang Berhormat boleh beri peringatan kepada saya seperti yang telah dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, saya mulakan jawapan saya. Isu seterusnya isu pendidikan tinggi.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu Malaysia menjadi tumpuan pelajar antarabangsa termasuk dari Iran. Adakah kedatangan mereka dikenal pasti tidak menyebarkan ajaran Syiah? Yang Berhormat Senator, kerajaan memandang serius terhadap isu ini. Walaupun setakat ini tiada kes yang dikesan dan dilaporkan mengenai penyebaran ajaran Syiah dalam kalangan pelajar antarabangsa termasuk dari Iran, walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus

membuat pemantauan di semua IPT dan akan merujuk dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti JAKIM untuk tindakan sewajarnya. Di atas soalan bilangan pelajar asing yang belajar di Malaysia, bimbang kemasukan mereka memberi kesan negatif. Yang Berhormat, sehingga bulan Disember 2012, jumlah pelajar asing yang menuntut di institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia adalah seramai 26,239. Jumlah ini melibatkan pelajar daripada 139 buah negara. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi membendung gejala negatif yang melibatkan pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh saya mencelah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan pelajar tadi, Yang Berhormat Menteri telah menyebut tidak ada pelajar asing yang menyebarkan fahaman Syiah di kalangan kita dan juga di kalangan mereka. Saya hendak tahu, kalau begitu ada tidak orang-orang di kalangan kita yang menyebarkan fahaman itu di IPT? Kalau ada, saya hendak tahu apa sebenarnya kerajaan sekarang ini telahewartakan sebagai satu ajaran yang tidak dibenarkan di dalam negara kita? Apa sebenarnya masalah yang mungkin timbul daripada penyebaran itu? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, tiada kes yang dikesan dan dilaporkan. Seperti mana yang saya telah jawab sebentar tadi juga, kes ini pemantauannya dibuat oleh JAKIM. Seperti mana yang telah saya katakan awal, kita akan memberi kerjasama kepada JAKIM sekiranya ada isu-isu ini dibangkitkan. Maka, sama ada di antara kita menyebarkan isu ini, kalau dilaporkan kita akan buat siasatan. Masalahnya belum dilaporkan. Susah kita buat siasatan apabila tidak ada laporan Yang Berhormat. Mohon maaf. Terus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam, yang mana membangkitkan isu kemasukan kaum India merosot sejak 20 tahun yang lalu. Walaupun kuota pelajar India ke matrikulasi ditingkatkan kepada 1,500 tempat, pengambilan pelajar India bagi tahun 2012 dan tahun 2013 tidak mencapai angka tersebut. Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia memberi fokus yang sewajarnya bagi memastikan tempat yang dijanjikan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat sebut itu terus jawab. Tidak payah ulas dia punya soalan itu. Senang Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, saya ambil nasihat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab terus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Februari 2012, peruntukan sebanyak 1,500 tempat kepada pelajar India masih dikekalkan pada tahun 2013. Untuk makluman, seramai 6,185 pelajar India telah memohon dan daripada jumlah tersebut, seramai 1,500 telah ditawarkan ke program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk ambilan pertama sesi 2013/2014 bagi pendaftaran pada 27 Mei 2013. Manakala 350 orang pelajar India lagi ditawarkan untuk ambilan kedua bagi pendaftaran pada 12 Jun 2013. Seramai 1,142 pelajar telah mendaftar di 15 buah kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia pada sesi 2013/2014. Kementerian Pendidikan Malaysia juga mempunyai dasar pengambilan dan penempatan pelajar program matrikulasi yang menjadi asas rujukan dalam proses pengambilan dan penempatan pelajar ke program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Dasar ini dipakai guna oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tanpa mengira kaum.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh turut meminta syarat kemasukan ke IPTA kepada bukan sahaja lulusan STPM dan matrikulasi tetapi juga lulusan *A-level*. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengguna pakai pelbagai kelayakan masuk ke IPTA yang merangkumi kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Asasi IPTA, *Alevel*, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) dan kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan serta diperakui oleh senat universiti. Penawaran kepada calon dilaksanakan dengan menggunakan prinsip meritokrasi iaitu dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Selain itu, calon juga perlu memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan oleh IPTA serta mendapat perakuan dari senat IPTA. Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun membuka peluang kepada lulusan *A-level* untuk ditawarkan tempat bagi mengikuti program pengajian pada peringkat ijazah pertama di IPTA. Justeru Kementerian Pendidikan Malaysia tiada halangan untuk menerima pelajar lulusan *A-level* yang memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di IPTA.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal turut bertanya mengapa golongan pelajar cemerlang lebih cenderung berkhidmat di luar negara selepas menamatkan pengajian? Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui semua MSD, dengan izin, *Malaysian Students Department* sentiasa menjalankan program-program pembangunan sahsiah dan program pendampingan pelajar luar negara. Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah program kenegaraan dan kepimpinan, keusahawanan dan pembangunan kerjaya, perpaduan, integrasi dan kesukanan. Semangat patriotik sentiasa ditekankan kepada pelajar-pelajar luar negara untuk kembali berkhidmat di tanah air apabila tamat belajar nanti. Yang Berhormat juga mencadangkan kerajaan mengkaji semula penawaran kursus bidang pengajian kepada pelajar yang cemerlang dengan menawarkan bidang yang mereka minat di IPTA. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat

kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan adalah terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Kejayaan pelajar memperoleh tempat bergantung kepada susulan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA. Justeru pelajar perlu bijak merancang strategi dalam memilih program pengajian yang sesuai dengan pencapaian akademik. Susunan program pengajian mengikut keutamaan serta memperluaskan pilihan program pengajian dan juga pilihan IPTA. Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin dengan calon yang memperoleh merit yang tinggi tetapi tidak mendapat tawaran di mana-mana IPTA. Calon berkaitan berpeluang menerima tawaran mengikut tiga bidang pilihan calon semasa mengemukakan permohonan. Tawaran tersebut tertakluk kepada kekosongan tempat di IPTA dan persetujuan terima calon untuk menerima tawaran di luar pilihan program pengajian mereka. Peluang-peluang melanjutkan pengajian dalam negara dalam pelbagai bidang adalah terbuka luas selaras dengan konsep pendemokrasian pendidikan kepada rakyat tanpa meminggirkan mana-mana rakyat yang berkelayakan. Semua pelajar yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan mempunyai akses dan peluang pendidikan tinggi yang sama dan adil dalam pelaksanaan meritokrasi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dan juga Yang Berhormat Senator Jaspal mencadangkan kerajaan mengkaji semula sistem meritokrasi. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, selaras dengan keputusan kerajaan pada tahun 2002, dasar pengambilan pelajar ke IPTA dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi bagi menggantikan dasar pengambilan mengikut kuota kaum yang diguna pakai sebelum ini. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan mengguna pakai markah 90% akademik dan 10% markah kokurikulum untuk menjana markah merit pelajar. Buat masa sekarang, Kementerian Pendidikan Malaysia belum bercadang untuk menggantikan sistem meritokrasi dengan sistem kuota seperti mana sebelum ini. Berdasarkan kepada prinsip meritokrasi, semua pelajar yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama dan taraf hidup tidak akan dinafikan peluang untuk mengikuti pelajaran di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi syarat am universiti dan syarat-syarat khas program pengajian akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA. Walau bagaimanapun, mulai sesi akademik tahun ini 2013/2014, kerajaan telah memperkenalkan mekanisme baru. Mekanisme mod kemasukan baru bagi isi rumah 40% terendah. Mekanisme ini dilaksanakan bertujuan memberi peluang sama rata kepada golongan berkenaan untuk mendapatkan akses kepada pengajian tinggi. Pelaksanaan mekanisme mod kemasukan baru ini melibatkan pelajar dari golongan yang kurang berkemampuan daripada aspek sosioekonomi serta kerana mendapat peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Sebahagian daripada pelajar ini juga tidak berpeluang mendapat tawaran di IPTA dan politeknik disebabkan oleh persaingan yang tinggi dengan calon-calon lain kerana memperoleh markah merit yang rendah. Tawaran mod kemasukan ini melibatkan pelajaran sasaran yang melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma di politeknik serta diploma dan ijazah pertama di IPTA. Tawaran program pengajian yang diberikan kepada calon adalah ditentukan oleh IPTA atau politeknik berkenaan berdasarkan pencapaian akademik calon. Pelajar yang berjaya akan dibiayai oleh Perbadanan Tabung

Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berdasarkan syarat dan prosedur yang sedia ada. Walau bagaimanapun, IPTA dan politeknik digalakkan membiayai pelajar ini mengikut sumber kewangan sedia ada. Bilangan tempat bagi mod kemasukan ini melibatkan 100 tempat bagi setiap IPTA dan 100 tempat bagi setiap politeknik. Tawaran tempat adalah ditetapkan oleh IPTA dan politeknik. IPTA dan politeknik yang berkemampuan adalah digalakkan mengambil pelajar lebih daripada bilangan yang ditetapkan. Pelajar yang diberikan kemudahan mod kemasukan ini perlu memenuhi syarat am universiti dan syarat-syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan politeknik. Pelajar-pelajar berkaitan boleh mengemukakan permohonan secara terus ke IPTA atau politeknik yang berhampiran. Proses kemasukan adalah tertakluk kepada permohonan yang dibuat dalam tahun semasa sahaja.

Yang Berhormat Senator Subramaniam juga membangkitkan isu pelajar yang mendapat 10A+ dan CGPA 4.0 untuk matrikulasi tidak mendapat tempat dan kursus yang dipohon. Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan pelajar cemerlang berkenaan memohon program perubatan, pergigian dan farmasi. Kesemua tempat yang disediakan oleh IPTA telah dipenuhi oleh pelajar cemerlang yang lain yang meritnya lebih baik. Kesemua calon pelajar juga membuat pernyataan tidak terhadap pilihan untuk ditawarkan program selain yang dipohon. Di samping itu, kegagalan juga disebabkan oleh calon mengambil kombinasi mata pelajaran Sains yang tidak bersesuaian dengan keperluan program pengajian walaupun mendapat CGPA 4.0 dan calon tidak menunjukkan prestasi yang baik semasa proses temu duga. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukur...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya nak minta mencelah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Tentang pengambilan kaum India untuk matrikulasi seperti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang ditawarkan itu memang banyak 1,800, yang minta lebih kurang 6,000. Akan tetapi nampak macam sistem penawaran ini ada kelemahan yang mana hanya 1,142 sahaja yang mendaftarkan. Jadi apakah cadangan kementerian untuk tahun depan ini, kumpulan sasaran itu memang kitatawarkan betul-betul dan tempat 1,500 ini mesti didaftarkan, mesti kita ada penuh 1,500 orang pelajar. Jadi, kalau kita tawarkan 2,000 atau 3,000 tetapi hanya mendaftar 800, hilang peluang untuk lagi 700 untuk mengikuti sistem matrikulasi ini, apakah cadangan kementerian supaya kelemahan ini tidak akan berlaku lagi tahun hadapan?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada kelemahan dari pihak kita untuk menawarkan pelajar. Malah janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menawarkan 1,500 tempat. Kita menawarkan 1,850, kita memberikan tawaran kepada yang layak. Akan tetapi benar, mengapa 1,142 sahaja diterima. Yang Berhormat, di sinilah tanggungjawab kita, parti-parti politik, MIC bekerjasama. Di harap Yang Berhormat juga dapat memberi kerjasama untuk memberi



maklumat kepada pelajar-pelajar yang menerima tawaran, terimalah tawaran. Kalau 1,500 pelajar yang awal-awal kita hantar tawaran, menerima tawaran 100%, tidak ada masalah. Kerajaan telus, kita mengotakan janji, janji ditepati, lebih daripada janji. Akan tetapi apabila seorang pelajar tidak menerima tawaran tersebut, maka kita ada masalah. Di sinilah kita perlukan kerjasama Yang Berhormat. Kita harus mengambil tanggungjawab masing-masing untuk memberitahu pelajar-pelajar ini betapa pentingnya mereka menerima dan jangan mereka mensia-siakan peluang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, berapakah bilangan biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar bukan Melayu. Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan 18 bentuk penajaan bantuan kewangan pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga fasa kedoktoran. Mengenai bilangan biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar bukan Melayu, memandangkan borang permohonan tidak mempunyai ruang maklumat berkenaan kaum, kementerian tidak dapat memberikan secara tepat bilangan atau peratusan bilangan bukan Melayu atau Melayu yang ditawarkan biasiswa. Walau bagaimanapun, kementerian ingin menegaskan bahawa sebarang permohonan akan dipertimbangkan mengikut merit dan bukannya berdasarkan kepada kaum.

Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam juga membangkitkan isu kriteria yang digunakan untuk pemilihan pelajar. Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria bagi pegawai skim latihan akademik yang dicalonkan sama ada untuk pengajian dalam dan luar Negara di bawah program biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) adalah ditentukan oleh pihak majikan masing-masing. Tahap kritikal bidang yang dipohon, pencapaian akademik dan perakuan panel penemu duga merupakan di antara kriteria yang digunakan oleh pihak majikan bagi pemilihan calon. Kriteria ini turut sama diguna pakai oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik dalam mencalonkan pegawai Skim Latihan Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Pengajian Tinggi (PPPT) dan pegawai bukan akademik IPTA di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Bagi permohonan pengajian di luar negara, terdapat syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- a) Mendapat tawaran tempat pengajian yang diterima masuk ke universiti yang *ranking* atau *rating* yang ditetapkan;
- b) Mempunyai kemahiran bahasa Inggeris sama ada TOEFL – 600 *paper-based*, dengan izin, atau 240 *computer-based*, dengan izin, atau 92 *internet-based*, dengan izin, atau IELTS sekurang-kurangnya lulus Band 6.5 bagi pengajian di universiti luar negara yang menggunakan bahasa Inggeris untuk penulisan tesis dan IELTS sekurang-kurangnya lulus Band 6.0 bagi pengajian di universiti luar negara yang menggunakan selain bahasa Inggeris untuk penulisan tesis; dan
- c) Lulus kursus khas kenegaraan anjuran Biro Tata Negara.

Dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke IPTA bagi program pengajian lepasan STPM, matrikulasi, asasi ijazah pertama adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan

mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam menentukan nilai merit seorang calon. Prinsip meritokrasi ini dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, tempat tinggal dan sebagainya. Terdapat segelintir pelajar cemerlang yang gagal mendapatkan tempat berdasarkan faktor-faktor pelajar tidak mendapat markah kokurikulum yang baik walaupun mempunyai markah akademik maksimum dengan memperoleh CGPA 4.0 menyebabkan meritnya agak di bawah. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam tentang isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa orang lagi Yang Berhormat terpaksa, cuba Yang Berhormat kira.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada 15 Ahli Yang Berhormat lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Cuba Yang Berhormat *briefly*, cuba pendekkan dan secepat mungkin.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya boleh hantar jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dahulunya Yang Berhormat, kalau boleh mana Senator yang ada itu jawab, kalau tidak ada dalam ini, Yang Berhormat *skip* sahaja. So, saya hendak beritahu semua Ahli Yang Berhormat mesti duduk dalam Dewan kerana ini penting. Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, bagaimana hendak dengar keputusan daripada kementerian. *Guidelinenya*, kalau sekiranya Ahli ada di sini jawab, kalau tidak ada *skip* sahaja mereka itu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Senator S. Bagiam? Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada, hantar secara bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan hantar secara bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah ada tadi. Ada, ada.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya ada.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Pertanyaan tentang proaktif peringkat KPM untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan siswazah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan serta memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di IPT tempatan secara lebih terancang dan holistik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran *attribute* dan nilai keusahawanan, *entrepreneur graduates*, dengan izin, serta lebih ramai lagi siswazah dan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Selain itu, ia juga bertujuan melahirkan ahli akademik, penyelidik dan pentadbir IPT yang berdaya usaha, *enterprising*, dengan izin, dan mempunyai ciri dan nilai keusahawanan. Bagi mencapai matlamat dasar tersebut, antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan adalah penambahbaikan modul asas keusahawanan IPT, pelaksanaan program pembudayaan dan keusahawanan berstruktur serta program keusahawanan sosial.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut melaksanakan program keusahawanan yang berkonsepkan pemindahan dan perkongsian ilmu serta latihan peningkatan kompetensi pensyarah dan pembimbing keusahawanan IPT. Hasil kajian keberkesanan program keusahawanan di IPT yang telah dijalankan oleh pihak kementerian menunjukkan bahawa Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT telah berjaya meningkatkan kepekaan IPT terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan dan tahap penglibatan dan penyertaan pelajar di dalam program dan aktiviti keusahawanan, di samping berjaya meningkatkan kesediaan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Dalam perkara ini, statistik kementerian menunjukkan bahawa seramai 2,387 orang lulusan IPT awam telah bertindak berani untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan bagi tempoh dua tahun selepas Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dilancarkan iaitu 1,114 orang bagi tahun 2011 dan 1,273 orang bagi tahun 2012. Kajian semula jenis politik yang melibatkan pelajar berdasarkan AUKU. Dalam melaksanakan gerak kerja pindaan AUKU 1971, Jawatankuasa menyemak dan mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah ditubuhkan untuk mengkaji serta menyemak peruntukan berkaitan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh. Dalam mengkaji, meneliti dan mencadangkan pindaan ke atas AUKU, Jawatankuasa telah lima perkara:

- a) Mengadakan pertemuan, mesyuarat, menjalankan soal selidik atas talian;
- b) Mendapat maklum balas bertulis daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta;
- c) Mendapatkan maklum balas daripada media baru seperti *blog*, email, *Facebook* dan membuat sumbang saran ataupun *brainstorming*, dengan izin;
- d) Mendapatkan maklum balas dan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak pemegang tara seperti Ahli Parlimen, parti pemerintah dan parti pembangkang, Persatuan Kakitangan Akademik IPTA dan Majlis Perwakilan Pelajar IPT; dan
- e) Meneliti idea dan saranan yang dikemukakan oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Justeru pindaan AUKU ini telah mengambil kira pandangan dan harapan pelbagai pemegang tara serta dasar dan polisi negara yang sedia ada untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berfikiran matang. Ia juga bertujuan memantapkan sistem pendidikan tinggi negara, memastikan ketelusan dan *accountability*, menjamin mutu pendidikan tinggi yang baik serta menjadikan IPTA di Malaysia di segani dan terkemuka di peringkat antarabangsa. Pindaan terhadap AUKU 1971 ini memberi peluang kepada para pelajar untuk menceburi diri di dalam aktiviti-aktiviti politik kepartian di luar kampus. Justeru pelajar boleh sebanyak mungkin menimba ilmu pengetahuan dan menghayati politik negara ketika berada di luar kampus. Ketika di dalam kampus pelajar masih tertakluk di dalam peraturan atau sekatan yang dikenakan oleh institusi pengajian masing-masing bagi mengekalkan *neutrality campus* sebagai gedung ilmu. Budaya politik menghasut, memfitnah dan membuat demonstrasi akan member impak yang negatif kepada pelajar. Sekiranya didapati ada para pelajar yang mengamalkan budaya politik menghasut, memfitnah dan membuat demonstrasi di luar kampus, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta yang berkuat kuasa.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong juga membangkitkan isu KPM terhadap pelajar keturunan Siam. Dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke IPTA bagi program lepasan STPM, matrikulasi dan asasi adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan penggunaan pakai 90% markah akademik dan 10% ko-kurikulum dalam menentukan nilai merit seseorang calon. Untuk penempatan di UiTM pula prinsip meritokrasi juga dipakai guna. Ia dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, tempat tinggal dan sebagainya. Terdapat segelintir pelajar cemerlang yang gagal mendapatkan tempat berdasarkan faktor-faktor pelajar tidak mendapat markah ko-kurikulum yang baik walaupun mempunyai markah akademik maksimum dengan memperoleh CGPA 4.0 menyebabkan meritnya agak di bawah.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin mohon memantau menyelesaikan masalah di Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Kementerian Pendidikan – ada Yang Berhormat Senator? Okey. Menjalankan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan kertas Kolej Universiti Insaniah berdasarkan peruntukan Akta 555 dan peraturan di bawahnya. Masalah pengurusan dalaman KUIN adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah dan Rektor KUIN. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjalankan pemantauan berterusan ke atas KUIN bagi memperkasakan kelestarian institusi ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok mohon memperbanyakkan kolej komuniti di negeri Sarawak. Okey, sehingga kini tiada perancangan bagi mewujudkan kolej-kolej di kawasan parlimen tersebut. Kolej komuniti wajar ditubuhkan mengikut keperluan dan tidak di setiap daerah atau kawasan Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini terdapat 1,000 atau soalan yang lain yang mana Yang Berhormat bangkitkan. Sambutan penduduk terhadap kolej komuniti yang dibina. Untuk makluman sehingga kini terdapat seramai 1,290 tenaga separuh mahir lulusan kolej komuniti di Sarawak yang telah tamat pengajian secara formal. Kolej Komuniti Kuching dan

cawangan KK Santubong seramai 726 lulusan, Kolej Komuniti Mas Gading dan cawangan KK Betong 571 lulusan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Rekod Mei 2012 menyatakan ada 26,000 siswazah yang tiada kemahiran, jawapannya. Bagi memastikan siswazah mempunyai kemahiran untuk bekerja, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Program Kebolehpasaran Graduan (GE). Fokus utama Program GE adalah untuk meningkatkan nilai tambah pelajar daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program Kebolehpasaran Graduan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- a) *Structured Internship Programs*, dengan izin;
- b) Program Pentauliah Professional (*Certification*), dengan izin;
- c) *Bridging the Gap*, dengan izin; dan
- d) Program keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di bawah dasar pembangunan keusahawanan IPT.

Selain itu Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil inisiatif menerapkan pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT untuk menganjukkan minda mereka daripada menjadi pencari kerja, *the job seeker*, dengan izin kepada penjana pekerjaan, *the job creator*, dengan izin. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan dasar pembangunan keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan serta memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di IPT tempatan secara lebih terancang dan holistik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran *attribute* dan nilai keusahawanan, *entrepreneurial graduates*, dengan izin, serta lebih ramai lagi siswazah dan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan ialah penambahbaikan modul asas keusahawanan IPT, pelaksanaan program pembudayaan dan keusahawanan berstruktur seperti program keusahawanan sosial. Selain itu KPM juga turut melaksanakan program keusahawanan yang berkonsepkan pemindahan dan perkongsian ilmu serta latihan peningkatan kompetensi pensyarah dan pembimbing keusahawanan IPT. Seterusnya perjawatan guru. Topik ke lapan. Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sekiranya boleh, saya boleh memberi jawapan-jawapan yang seterusnya secara bertulis dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Topik apa itu Yang Berhormat?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada tiga lagi topik iaitu perjawatan guru, salah laku murid, dasar memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris dan isu-isu pendidikan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa tebal itu?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada lebih kurang 10 muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau dengan persetujuan Yang Berhormat, pasal ini kita hendak menjimatkan masa. Pasal terlalu banyak, jawapan akan diberi secara bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan memastikan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan soalan, jawapannya akan diberi jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tuan Yang di-Pertua. Saya minta salinan jawapan itu salur ke semua Ahli Dewan. Bukan yang soal sahaja sebab kita semua minat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kalau diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, kita akur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir elok juga sebab apa agaknya *is the matter of printing*, dengan izin. Agaknya bagi semua lagi baik memberi manfaat kepada semua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Nanti sekejap. Yes, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Satu sahaja soalan. / cuma hendak tahu sama ada isu Sekolah Kebangsaan Seri Pristina akan diliputi dalam isu-isu lain atau tidak? Dalam tajuk isu-isu lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kita tidak akan mengecewakan sesiapa Tuan Yang di-Pertua. Semua jawapan, soalan yang telah dibangkitkan akan kita jawab secara bertulis termasuk sekolah integrasi.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Kami mohon juga kalau boleh setiap jawapan itu dimasukkan di dalam *Hansard* supaya ada rekod.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, boleh kita timbangkan itu ya, Yang Berhormat. *It is a part and parcel of the Parliament record.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.